

AWQAF HOLDINGS
BERHAD



LAPORAN TAHUNAN 2022

Membangun & Lestari






AWQAF
HOLDINGS
BERHAD



LAPORAN TAHUNAN 2022

Membangun & Lestari



ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN		Pembiayaan Ijarah bersama Kamosa Sdn Bhd	36	
	Penyata Korporat	5	Quantum Metal	37	
2.0	TENTANG AWQAF	11	5.0	AKTIVITI AWQAF	38
	Pengasas	12		Yayasan ZuriatCARE	39
	Maklumat Korporat	14		EduWaaf & AWQAF4Health	41
	Visi & Misi	14	6.0	LAPORAN KEWANGAN	42
	Mutawalli	15	7.0	LAMPIRAN	101
	Ahli Lembaga Pengarah	16		Notis Mesyuarat	102
	Tadbir Urus Korporat	18		Agung Tahunan	
	Kumpulan Pengurusan	19		Borang Proksi	106
3.0	WAQAF KORPORAT	20		Borang Keahlian	108
	Definisi	21			
	Ciri-ciri	22			
	Model Waqaf Korporat	23			
	Jenis Keahlian AWQAF	23			
	Jumlah Kutipan Tahunan	24			
4.0	PORTFOLIO PELABURAN	25			
	Sekolah Integrasi Al Hamra	26			
	Curves	30			
	Damai Senior Care Centre	33			
	Pembiayaan Mesin	34			
	Echocardiography				
	Biz Amal	35			

PENYATA KORPORAT



Segala puji dan kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, kerana dengan izinNya maka Kumpulan AWQAF Holdings Berhad dapat meneruskan objektif dan agenda melaksanakan amanah yang diberikan dalam menguruskan aset dan pelaburan melalui dana keahlian yang telah diwakafkan, sekaligus memainkan peranan selaku pemacu utama institusi Wakaf Korporat di negara ini.

agenda nasional. Dalam mengorak langkah seterusnya pada 2023/24, Kumpulan AWQAF mengikuti secara rapat perkembangan Wakaf Madani yang diumumkan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Bajet 2023 di Dewan Rakyat.

Kumpulan AWQAF akan terus berusaha menggembangkan peranan dan menjalankan tanggungjawab sebagai salah satu institusi utama membangunkan ekonomi Ummah. Menerusi Kenyataan Korporat ini, Kumpulan AWQAF akan menghurai pelaksanaan strategi dalam memberi daya upaya dan daya saing korporat, untuk menempuh halangan dan cabaran ketika melalui fasa ketidaktentuan ekonomi domestik mahupun global, sepanjang tempoh 2022.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada barisan Ahli Lembaga Pengarah AWQAF di atas nasihat, panduan serta input idea, yang diberikan bagi memantapkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti pelaburan dan program fi-sabilillah. Ucapan tahniah dan terima kasih turut dikalungkan seluruh anggota pekerja Kumpulan AWQAF di atas kesungguhan yang dicurahkan sehingga organisasi ini dapat meneruskan pencapaian yang positif bagi tahun 2022.

WAKAF MADANI & DANA KEAHLIAN AWQAF

Bagi pihak Kumpulan AWQAF, kami bersyukur dan berterima kasih di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan, seterusnya mendapat kepercayaan serta sokongan orang ramai untuk meneruskan agenda wakaf sebagai

Alhamdulillah, sepanjang tahun 2022, penerimaan dana Kumpulan AWQAF terkumpul pada 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM13.03 juta, pertambahan sebanyak RM36,872.10 sepanjang tahun 2022. Jumlah dana Kumpulan AWQAF dan ahli terkini sehingga 31 Julai 2023 adalah sebanyak RM13.06 juta dengan penyumbang pewakaf seramai 3,432 iaitu 735 Ahli dan 2,693 penyumbang Asas.

KEDUDUKAN KEWANGAN & PELABURAN BAGI TAHUN 2022

Kewangan Kumpulan AWQAF

Walaupun 2022 adalah tahun dan fasa ketidaktentuan ekonomi domestik mahupun global, tetapi Kumpulan AWQAF telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM3,727,211. Ini menunjukkan peningkatan pendapatan sebanyak 68.4% berbanding tahun kewangan 2021. Pendapatan pada tahun 2022 disumbangkan daripada aktiviti pengurusan Sekolah Al-Hamra sebanyak RM2,976,452 (79.8%) dan jumlah pendapatan keseluruhan pusat kecergasan Curves sebanyak RM520,754 (14%) dan lain-lain pendapatan aktiviti pelaburan sebanyak RM230,005 (6.2%).

Kumpulan AWQAF telah mencatat keuntungan kasar berjumlah RM1,939,500 setelah menolak kos perkhidmatan sebanyak RM1,787,711. Margin keuntungan kasar Kumpulan AWQAF telah meningkat sebanyak 76% berbanding tahun kewangan 2021. Kumpulan AWQAF telah mencatatkan keuntungan bersih buat kali pertama sejak penubuhannya dengan mencatat lebihan tahun 2022 sebanyak RM16,338, dengan lebihan di peringkat syarikat AWQAF sebanyak RM784,055.

Sekolah Antarabangsa Integrasi Al-Hamra (AWQAF Education Sdn Bhd)

AWQAF Holdings Berhad melalui anak syarikat AWQAF Education Sdn Bhd akan terus menambah nilai pelaburan dalam sektor pendidikan di dalam Sekolah Antarabangsa Integrasi Al-Hamra di Kota Damansara. Satu inisiatif pelaburan yang penting untuk diteruskan bagi AWQAF untuk bersama-sama memperkasakan institusi pendidikan yang menjadi denyut nadi dalam pembangunan tamandun dan generasi akan datang.

Bagi tahun kedua ini, AESB telah mencatat pendapatan sebanyak RM2,976,452, peningkatan jumlah pendapatan sebanyak 44.2% berjumlah RM912,941, dan keuntungan kasar sebanyak RM1,534,369. Alhamdulillah, dengan strategi penambahan jumlah pendapatan dan penjimatan berterusan, syarikat telah berjaya menurunkan kurangan tahunan sebanyak 51.4% iaitu sebanyak RM417,099, berbanding kurangan RM859,726 bagi tahun 2021.

Kumpulan AWQAF berazam dan komited untuk meningkatkan taraf dan potensi institusi pendidikan Islam dari semasa ke semasa, dan kita bertanggungjawab untuk membina generasi pelajar yang bakal menjadi pemimpin akan datang sebagai peneraju ketamadunan Islam yang cemerlang. Justeru antara inisiatif yang bakal dipelopori AWQAF adalah peluang biasiswa pembelajaran kepada golongan pelajar B40 yang berpotensi di sekolah milik AWQAF.

Pusat Kecergasan (Fitness) & Kesejahteraan (Wellness) Wanita CURVES (AHB Wellness Sdn Bhd)

AWQAF juga terus meneroka dan membuka francais pusat kecergasan wanita CURVES Malaysia yang ketiga di kawasan Bangi pada Julai 2023, selepas cawangan pertama Bukit Jelutong (tahun 2020) dan cawangan kedua di Setia Alam, yang telah dibuka pada tahun 2022. Inisiatif pelaburan ini bukan sahaja dilihat sebagai suatu projek pelaburan wakaf dalam industri kesihatan dan kecergasan, tetapi ianya juga secara tidak langsung memberi peluang kepada para wanita di Malaysia untuk menjaga kesihatan di satu kemudahan gimnasium yang patuh Syariah, berkonsepkan latihan litar (circuit training), dan paling penting selamat untuk wanita.

Bagi memangkin pengurusan yang lebih baik dalam urus tadbir sektor ini, AHB Wellness

Sdn Bhd telah ditubuhkan dan secara rasmi didaftarkan pada Jun 2022. Rekod keahlian tahunan terkini (Ogos 2023) untuk keseluruhan caw

Curves Bukit Jelutong (151 ahli), Curves Setia Alam (161 ahli) dan Curves Bangi Sentral (101 ahli). Pada akhir Disember 2022, rekod pendapatan tahunan keseluruhan cawangan Curves mencatatkan jumlah RM520,754 iaitu 268% lebih tinggi daripada pendapatan tahunan 2021.

Damai Senior Care Centre

Kumpulan AWQAF telah memulakan perkhidmatan Damai Senior Care Centre, pusat jagaan warga emas, di Jalan Damai, Kuala Lumpur. Diuruskan oleh anak syarikat AWQAF iaitu Damai Senior Care Centre Sdn Bhd., pusat jagaan warga emas ini merupakan satu industri yang berpotensi besar pada masa akan datang, yang mana Malaysia sedang berdepan cabaran Negara Tua 2030.

Senarai perkhidmatan yang disediakan Damai Senior Care Centre ini termasuk servis rehabilitasi, penjagaan dementia, pengurusan luka dan stoma, ambulans, fisioterapi, hidroterapi dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti komuniti. Penyediaan dan penjagaan yang holistik di pusat jagaan ini akan menjadi pusat sehenti pilihan bagi semua warga emas yang menginginkan khidmat pusat jagaan terbaik.

Pelaburan Damai Senior Care Centre ini meletakkan sasaran pendapatan sehingga RM1 juta pada tahun kedua operasi.

Lain-lain Aktiviti Pelaburan

Lain-lain aktiviti pelaburan dan penjanaan pendapatan AWQAF juga termasuk melalui pembiayaan Mesin Echocardiography telah

mencatatkan pulangan sebanyak 49.2% (RM93,500), pembiayaan KAMOSA Sdn Bhd

yang mengurangkan keuntungan bersih RM54,000 sehingga Disember 2023, dan Pelaburan Emas yang membawa keuntungan bersih 11% dalam jangka masa 6 bulan (Ogos 2022 – Februari 2023) sebanyak RM9,952.15.

MAJLIS PELANCARAN BUKU BIOGRAFI - MUHAMMAD ALI HASHIM: CHAMPION OF BUSINESS JIHAD & CORPORATE WAQF

AWQAF bersama pihak penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press) telah menerbitkan buku biografi Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang bertajuk "Muhammad Ali Hashim : Champion of Business Jihad & Corporate Waqf". Buku biografi ini telah dilancarkan pada 27hb Jun 2022 oleh Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada ketika itu.

Buku berbahasa Inggeris ini ditulis oleh Professor Rokiah Talib, seorang penulis yang cukup berpengalaman luas dalam menerbitkan buku biografi beberapa tokoh terkemuka sebelum ini. Buku biografi ini merupakan buku yang sarat dengan kupasan konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pengurusan organisasi dan perniagaan.

Turut terkandung di dalam buku ini adalah kisah perjalanan hidup Allahyarham sejak dari kecil sehingga usaha jihadnya melaksanakan agenda Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pembangunan sosioekonomi demi kesejahteraan Ummah sejagat. Buku telah dicetak sebanyak 2,000 naskah dan dijual pada harga pasaran RM120.00. Jumlah yang telah terjual dan diedarkan untuk rujukan adalah sebanyak 1,600 naskah, dengan keuntungan bersih keseluruhan sebanyak RM41,273.65.

PERTUMBUHAN KEWANGAN DAN FOKUS PELAN STRATEGI 5 TAHUN

Kumpulan AWQAF telah memulakan langkah aktif dengan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi kelangsungan perniagaan dan kesinambungan aktiviti untuk mencapai objektif organisasi. Bagi memberi impak kewangan yang positif kepada AWQAF untuk lima tahun yang akan datang, barisan Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan AWQAF akan memberi fokus utama portfolio pelaburan kepada 4 industri penting iaitu kesihatan, pendidikan, harta tanah dan teknologi digital. Semoga usaha ini akan dapat menjana lebih pendapatan kepada AWQAF seterusnya lebih banyak manfaat dapat disalurkan bagi pembangunan ummah.

Di dalam pelaburan Kecergasan (Fitness) dan Kesejahteraan (Wellness), Kumpulan AWQAF meletakkan sasaran untuk membuka 3 - 4 outlet bagi 2 tahun akan datang. Kumpulan AWQAF membuka peluang kepada korporat dan individu yang berminat bekerjasama dengan AWQAF untuk membuka cawangan baru CURVES. Semoga usaha dalam membangunkan perniagaan berkonsepkan pusat kecergasan wanita ini membuka lebih banyak peluang baru untuk AWQAF terus mengembangkan pelaburan dalam bidang kesihatan & kecergasan.

Bagi portfolio pelaburan pendidikan, pihak pengurusan juga telah berusaha merancang beberapa aktiviti pemasaran dengan lebih strategik sebagai usaha menambah lebih ramai pelajar Al-Hamra yang mempunyai kapasiti bangunan yang boleh menampung jumlah pelajar sehingga 600 orang. Dengan pertambahan jumlah pelajar ini, jangkaan jumlah hasil yang berpotensi dijana oleh AWQAF pada 2-3 tahun akan datang adalah sekitar RM4 juta hingga 5 juta setahun.

Kumpulan AWQAF akan terus meneroka industri digital wakaf yang dicadangkan akan membantu mencapai matlamat memupuk kestabilan sistem

kewangan dengan adanya institusi wakaf yang menggunakan sumber kewangan bagi pelaburan yang mana pulangan akan memberi manfaat kepada kesejahteraan ummah.

Sebagai langkah progresif untuk meningkatkan pengalaman dan kemudahan kepada pewakaf dan pengguna, AWQAF Holdings Berhad mengadakan kerjasama strategik dengan ToyibPay. Kerjasama ini bertujuan untuk mengembangkan aplikasi inovatif yang dikenali sebagai "Biz Amal". Dengan kolaborasi ini, AWQAF berharap dapat membawa perkhidmatan wakaf ke tahap yang lebih tinggi, memanfaatkan teknologi terkini dalam pembayaran digital dan kemudahan dalam berurusan dengan aktiviti AWQAF. Aplikasi "Biz Amal" dihasilkan untuk memberikan platform yang pantas, cekap, dan selamat kepada pewakaf dan pengguna dalam melaksanakan pelbagai urusan berkaitan wakaf dan aktiviti-aktiviti AWQAF. Aplikasi ini dijangka akan sepenuhnya siap untuk digunakan menjelang awal tahun 2024.

PROGRAM FI-SABILILLAH

Tanpa melupakan tanggungjawab Fardhu Kifayah mengagihkan manfaat hasil pewakafan yang diuruskan, AWQAF terus menjadi antara organisasi yang menghulur sumbangan kepada mereka yang memerlukan serta membantu komuniti melalui sumber dana Yayasan ZuriatCARE, EduWAQF dan WAQF4Health, sekali gus berpotensi memperluaskan impak program fi-sabilillah AWQAF untuk manfaat masyarakat. Jumlah agihan manfaat keseluruhan Kumpulan AWQAF bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM162,062.

Yayasan ZuriatCARE

Yayasan Zuriatcare telah mendapat kelulusan penubuhannya oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Udang, Jabatan Perdana Menteri pada Ogos 2020. Di bawah pimpinan penggerusnya iaitu Puan Alia bt. Muhammad Ali, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan dan dipertanggungjawabkan

sebagai badan amal fi-sabilillah. Bagi tahun 2022, jumlah dana keseluruhan sumbangan yang diterima oleh ZuriatCARE adalah sebanyak RM118,150. Jumlah agihan dana ZuriatCARE yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak RM97,098.

Selain Program Peluang Kedua, Yayasan Zuriatcare telah mengembangkan lagi capaian mereka kepada masyarakat dengan aktiviti-aktiviti kesedaran lain, seperti menubuhkan program baru dibawah Yayasan iaitu Program Kempen Inklusif Kesedaran Kesihatan dan Penyakit Mental yang diberi nama Camellia (Campaign for Mental Illness Inclusivity and Awareness) dan Advokasi Kesedaran Bunuh Diri, AWAS (Awareness Against Suicide) yang mana kita terpaksa akui semakin serius apabila dikaitkan dengan tekanan sosioekonomi semasa negara.

Pembukaan tirai 2022, negara masih lagi berhadapan dengan wabak Covid-19 dan situasi bencana banjir yang melanda di kebanyakan kawasan sekitar Pahang, Selangor dan Johor. Namun, ianya tidak mematahkan semangat Yayasan ZuriatCARE untuk terus mencari jalan dalam memberi khidmat bakti baik secara langsung maupun tidak langsung melalui kerjasama dengan agensi dan pertubuhan lain.

Tahun 2022 menyaksikan pelbagai pencapaian yang dikecapi oleh seluruh warga YZC khususnya dan lebih ramai penerima manfaat dapat dibantu dan disantuni melalui pelbagai aktiviti di lapangan seperti sesi ceramah dan kempen kesedaran serta pengagihan bantuan kewangan dan barang.

Sokongan dan bantuan berterusan daripada pihak kerajaan terutamanya melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan pemberian dana berjumlah RM200,000 bagi tahun 2021 dan 2022, untuk menjalankan program kesihatan mental telah menyuntik semangat juang YZC agar terus menjadi tunjang dalam usaha

menyebarluaskan kesedaran tentang isu kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri seterusnya membentuk sebuah masyarakat yang cakna, prihatin dan saling memberi harapan antara satu sama lain.

Program EduWAQF & AWQF4Health

AWQAF melalui Tabung EduWAQF akan terus mengangkat tamadun keilmuan dengan memperkasa pelajar-pelajar dan institusi-institusi pendidikan melalui kelestarian sumber wakaf, selari dengan salah satu matlamat dan tujuan Maqasid Syariah yang telah digariskan oleh Islam iaitu pemeliharaan akal. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah keseluruhan agihan dana Tabung EduWAQF & AWQF4Health adalah sebanyak RM460,730.

AWQAF melalui tabung EduWaqt terus komited dalam memberi sumbangan bagi menggiatkan lagi program dan aktiviti pemerkasaan ilmu pengetahuan dan ketamadunan Islam. Bagi tahun 2022, EduWaqt telah meneruskan kegiatan agihan sumbangan kepada persatuan dan badan NGO. Sebanyak 4 persatuan dan NGO telah dipilih bagi menerima sumbangan berjumlah RM8,000.00 daripada Tabung EduWaqt terdiri daripada SRAR Pusat Pelajar Islam, PEMIKIR (Pertubuhan Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah), Untuk Malaysia dan Camellia - YZC. Agihan AWQF4Health bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM56,964 bagi Tabung Bersatu Hati DPIM, Sumbangan Test-Kit COVID-19 dan Program Bakti Insan.

PENGHARGAAN & PENUTUP

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami ingin menyatakan penghargaan kepada semua ahli AWQAF atas keyakinan dan sokongan mereka terhadap institusi Waqaf Korporat serta Kumpulan AWQAF. Berkat keyakinan dan sokongan daripada ahli-ahli, pencapaian pelaburan dan kejayaan yang dapat memberi manfaat kepada

ummah, akan terus dimajukan dan digalas bersama.

Kami ingin mengucapkan penghargaan khusus kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah yang telah memberi sumbangan yang penting dalam mewujudkan visi ini, terutamanya kepada Pn. Azizah Abdul Rahman, En. Abdul Mohsein Mohd Shariff, Puan Rafe'ah Ariffin, Puan Sri Noorzilah Mohammed Ali, Datuk Dr. Mohd Ghazali Md. Noor, Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, Dr. Ridzwan Bakar, dan Encik Adli Harith bin Mahyuddin yang telah menghulurkan idea dan usaha mereka dalam memartabatkan agenda Waqaf Korporat serta mengangkat Kumpulan AWQAF ke tahap yang lebih tinggi.

Penghargaan juga harus disampaikan kepada pihak pengurusan dan semua warga kerja Kumpulan AWQAF atas dedikasi mereka hadap usaha memperkembangkan agenda Waqaf Korporat. Usaha ini telah dipimpin oleh En. Ibrahim Adham Asmail selaku Ketua Pegawai Operasi, yang dibantu oleh Pn. Khairunnisa Mazlan sebagai Pengurus Kewangan dan En. Syamil Afifi Mohd Nazari sebagai Penolong Pengurus Operasi, serta semua warga kerja yang lain yang telah menunjukkan komitmen dan ketekunan yang tinggi. Sumbangan besar mereka telah membolehkan Kumpulan AWQAF mengatasi pelbagai cabaran, halangan, dan rintangan, terutamanya dalam konteks ekonomi yang penuh cabaran pada masa kini.

Tidak ketinggalan juga, penghargaan kepada pihak setiausaha syarikat Virtu Management House Sdn Bhd yang diketuai oleh Puan Fattiadriati Mohd Tareh dan Puan Fatintafrina Mohd Tareh. Semoga Kumpulan AWQAF akan terus berada di atas landasan yang tepat ke arah pencapaian yang lebih baik, insya Allah.

Pada penutup perutusan ini, kami berharap agar Kumpulan AWQAF akan terus memastikan pelaksanaan amanah yang diberikan dijalankan

bantuan kepada lebih ramai yang memerlukan. Kami menghargai semua Ahli AWQAF atas sumbangan, kepercayaan, dan tanggungjawab yang diberikan dalam usaha memajukan agenda Waqaf Korporat.

Institusi wakaf ini seharusnya dipandang bukan hanya sebagai penyumbang semata-mata, tetapi juga sebagai entiti yang memacu pertumbuhan ekonomi ummah. Kumpulan AWQAF akan terus memastikan aset wakaf yang diuruskan dapat menghasilkan pendapatan dan manfaat yang berterusan. Kami berkeyakinan bahawa Kumpulan AWQAF akan dapat melaksanakan perancangan wakaf korporatnya dengan cemerlang, menjayakan peranannya sebagai salah satu agen pembangunan sosioekonomi ummah, bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat global.

TENTANG AWQAF

- Pengasas
- Maklumat Korporat
- Visi & Misi
- Mutawalli
- Ahli Lembaga Pengarah
- Jawatankuasa Eksekutif
- Jawatankuasa Audit
- Kumpulan Pengurusan

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bagi pihak Lembaga Pengarah Awqaf Holdings Bhd,

TAN SRI SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR
Pengerusi

MOHAMMAD SAHAR MAT DIN
Timbalan Pengerusi

PENGASAS AWQAF

ALLAHYARHAM TAN SRI MUHAMMAD ALI HASHIM

Merupakan Presiden Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM) (2012-2017) dan Pengurus Awqaf Holdings Berhad (2012-2017), institusi Wakaf Korporat yang berasaskan komuniti pertama di Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1969. Beliau dianugerahkan Doktor Kehormat dalam bidang keusahawanan, perniagaan dan pengurusan Islam dari sembilan universiti di Malaysia.

Tan Sri Muhammad Ali diiktiraf sebagai usahawan korporat yang cemerlang selepas kerjayanya selama 28 tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp, 1982-2010).

Pada akhir perjawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Johor Corporation diiktiraf sebagai salah satu syarikat terkemuka di Malaysia dengan lebih daripada 280 syarikat dan 65,000 pekerja. Jumlah nilai permodalan pasaran syarikat PLC dibawah JCorp pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM18.1 bilion.

Kajian oleh Oxford University mengenai Waqaf Korporat pada

tahun 2010 menyatakan bahawa "Jihad Bisnes, Waqaf Korporat dan Intrapreneurship adalah sangat berkesan & jauh terkehadapan daripada apa yang mungkin dicapai oleh kaedah pembangunan ekonomi konvensional dan kaedah dorongan polisi yang sedia ada".

Tan Sri Muhammad Ali juga merupakan Pengasas Waqaf An-Nur Corporation Bhd (WANCorp), institusi Wakaf Korporat pertama di Malaysia yang ditubuhkan oleh JCorp pada tahun 1998. Aset wakaf WANCorp berjumlah RM250 juta, pada akhir 2014 lebih daripada dua kali ganda melebihi RM500 juta; dan menjelang akhir tahun 2015, jumlah nilai aset WANCorp telah meningkat tiga kali ganda kepada hampir RM800 juta.

Tan Sri Muhammad Ali telah menulis empat buku, yang terbaru di bawah tajuk - "Strategi Jihad Bisnes" 2015 dan penulis bersama dalam 2 skrip pementasan drama. Antara idea-idea berani dan inovatif yang diamalkan oleh Tan Sri Muhammad Ali termasuk: Jihad Bisnes, Wakaf Korporat, Intrapreneurship atau Usahawan Amanah.

Tan Sri Muhammad Ali disenaraikan oleh Pusat Pengajian Strategik Islam Diraja Jordan, Amman sebagai salah satu daripada "500 Muslim Paling Berpengaruh di Dunia" selama dua tahun berturut turut pada 2016 dan 2017.

Beliau telah kembali ke Rahmatullah pada 31 Oktober 2017. Al-Fatihah.



MAJLIS PELANCARAN BUKU BIOGRAFI MUHAMMAD ALI HASHIM: CHAMPION OF BUSINESS JIHAD & CORPORATE WAQF

AWQAF bersama pihak penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press) telah menerbitkan buku biografi Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang bertajuk "Muhammad Ali Hashim : Champion of Business Jihad & Corporate Waqf".

Buku biografi ini telah dilancarkan pada 27hb Jun 2022 oleh Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada ketika itu.

Buku berbahasa Inggeris ini ditulis oleh Professor Rokiah Talib, seorang penulis yang cukup berpengalaman luas dalam menerbitkan buku biografi beberapa tokoh terkemuka sebelum ini.

Buku biografi ini merupakan buku yang sarat dengan kupasan konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pengurusan organisasi dan perniagaan.

Turut terkandung di dalam buku ini adalah kisah perjalanan hidup Allahyarham sejak dari kecil sehingga usaha jihadnya melaksanakan agenda Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pembangunan sosioekonomi demi mengukuhkan kesejahteraan Ummah sejagat.

Buku telah dicetak sebanyak 2,000 naskah dan dijual pada harga pasaran RM120.00.



MAKLUMAT KORPORAT

NAMA SYARIKAT	: AWQAF HOLDINGS BHD
NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	: 1015578-X
TARIKH DITUBUHKAN	: 03 September 2012
JENIS SYARIKAT	: Syarikat Berhad Tanpa Syer
JENIS PERNIAGAAN	: Menguruskan Harta Wakaf dan Aktiviti Kebajikan
ALAMAT BERDAFTAR	: Suite 21, PKNS BizPoint, No. 67A, Jalan Plumbum P7/P Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor
ALAMAT OPERASI	: 18-1, Jalan Serambi U8/24, Seksyen U8, D'Bayu Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor. Al-Hamra Integrated School, Block A, Strand Garden Office A-2F-3, 12, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor

VISI

Menggunakan keupayaan luarbiasa Waqaf Korporat dan memanfaatkan kelestarian wakaf untuk mentransformasikan ekonomi bagi membina masyarakat yang adil dan makmur.

MISI

Membina bisnes, menghimpunkan aset, menambahkan nilai dan memupuk daya keusahawanan entrepreneur menjana peluang ekonomi baru serta memakmurkan masyarakat menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf.


Menjadi institusi Waqaf Korporat yang diterajui komuniti bagi merealisasikan matlamat Jihad Bisnes untuk memperkasa ekonomi masyarakat Islam demi kemakmuran semua.

MUTAWALLI

PENERIMAAN STATUS MUTAWALLI DARIPADA PENGERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Kali Ke 226 yang bersidang pada 31 Mac 2015 yang lalu telah bersetuju dengan permohonan daripada AWQAF Holdings Berhad.

- 25 Jun 2015



COMPLIANCE
(Companies Act 2016)



COMPLIANCE
Mutawalli Licence
(Conditional)
Wakaf Negeri Sembilan
Enactment 2005

AHLI LEMBAGA PENGARAH



**TAN SRI SITI SA'DIAH
SHEIKH BAKIR**
Pengerusi

**TUAN HJ. MOHAMMAD
SAHAR MAT DIN**
Timbalan Pengerusi

**ABDUL MOHSEIN
MOHD SHARIFF**
Pengarah Bebas

**PROF. DR. ENGU RABIAH
ADAWIAH ENGU ALI**
Pengarah Bebas &
Pakar Syariah

**PUAN HAJAH AZIZAH
ABDUL RAHMAN**
Pengarah Bebas

**DATUK DR. MOHD
GHAZALI MD NOOR**
Pengarah Bebas

**PUAN SRI NOORZILAH
MOHAMMED ALI**
Pengarah Bebas

**DR. RIDZWAN
BAKAR**
Pengarah Bebas

**PUAN HJH. RAFAEH
ARIFFIN**
Pengarah Bebas

Tiada dalam gambar:
ADLI HARITH BIN MAHYUDDIN
Pengarah Bebas

TADBIR URUS KORPORAT



TAN SRI SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR
Pengerusi



TUAN HJ. MOHAMMAD SAHAR MAT DIN
Timbalan Pengerusi



PUAN HAJAH AZIZAH ABDUL RAHMAN
Pengarah Bebas



PUAN HAJAH RAFEAH ARIFFIN
Pengarah Bebas



ABDUL MOHSEIN MOHD SHARIFF
Pengarah Eksekutif



DR. RIDZWAN BAKAR
Pengarah Bebas
Pengerusi Jawatankuasa Audit



DATUK DR. MOHD GHAZALI MD NOOR
Pengarah Bebas



IBRAHIM ADHAM ASMAIL
Ketua Pegawai Operasi

E Ahli Jawatankuasa Eksekutif
A Ahli Jawatankuasa Audit



KHAIRUNNISA MAZLAN
Pengurus Kewangan

AWQAF Holdings Berhad is a public listed company on the Main Board of Bursa Malaysia Securities Exchange. We are committed to maintaining the highest standards of corporate governance and ethical business practices. Our Board of Directors and Management Team are dedicated to driving the company's success and ensuring its long-term sustainability.

KUMPULAN PENGURUSAN

MENEGAKKAN SYURA DAN MEMATUH TADBIRURUS KORPORAT TERBAIK

AWQAF yang didaftarkan sebagai sebuah syarikat dibawah Akta Syarikat 2016 menerima pakai semua kaedah standard pengurusan amalan korporat terbaik terutama ketelusan dan kebertanggungjawaban.



IBRAHIM ADHAM ASMAIL
Ketua Pegawai Operasi



KHAIRUNNISA MAZLAN
Pengurus Kewangan



SYAMIL AFIFI MOHD NAZARI
Pen. Pengurus Operasi



HANI FARHANA RIDZUAN
Eksekutif Kanan Kewangan



MUHAMMAD HAZIQ HAFIY ROSLI
Eksekutif Operasi



FARAH WAHIDAH MAZLAN
Eksekutif Akaun



SHAHIRA FARHANI KHAIRILLAH HASYIM
Eksekutif Operasi & ZuriatCARE



FARAHANI AB RAHMAN
Pengurus Operasi CURVES



PROF. DR. HASNI MOHAMMED AL-HAJ
Pengetua Al Hamra



LEE MEE LING
Pengurus Operasi
Damai Senior Care Centre

WAKAF KORPORAT

- Definisi
- Ciri-ciri
- Model Waqaf Korporat
- Keahlian AWQAF

DEFINISI

Satu inovasi yang mengintegrasikan institusi wakaf Islam secara langsung ke dalam sistem pembangunan ekonomi negara yang hari ini dilihat dipacu terutamanya oleh organisasi bisnes dan korporat swasta.

Matlamat jangka panjangnya ialah menyeimbangkan sistem ekonomi yang didominasi oleh korporat milik swasta, bertujuan memberi peluang kepada majoriti rakyat jelata mendapat akses dan manfaat yang saksama daripada perkembangan sektor bisnes dan korporat negara.

Waqaf Korporat® bertujuan khas untuk mengatasi kelemahan organisasi dengan memperkasakan ekonomi ummah menggunakan institusi wakaf warisan Islam.

Ditubuhkan sebagai sebuah wakaf, Waqaf Korporat® boleh bertindak sebagai sebuah institusi berdasarkan komuniti bagi mengerakkan sumber-sumber komuniti untuk menjadi peneraju utama bagi menjayakan bisnes mapan milik komuniti.

Antara faktor-faktor yang menjadi prasyarat kepada kejayaan Waqaf Korporat adalah penubuhannya sebagai organisasi bermatlamatkan bisnes sepenuhnya.

Struktur korporat dan sistem pengurusannya, seperti yang diamalkan oleh AWQAF, wajib menggunakan-pakai amalan tadbir urus korporat terbaik, selain menentukan ia diterajui oleh eksekutif berdaya keusahawanan pada setiap masa.

Organisasi Waqaf Korporat® mesti beridentiti korporat dan berkuasa autonomi sepenuhnya, menjana keupayaan ekonominya sendiri, tertakluk kepada peruntukan kuasa dalam Memorandum dan Artikelnya (M&A) dan syarat-syarat kelulusan Mutawallinya. Waqaf Korporat® adalah institusi unik yang sangat berbeza dengan yayasan atau badan amanah yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat swasta.


Perbezaan paling asas ialah hakikat bahawa Wagaf Korporat® bukan dimiliki oleh mana-mana entiti swasta atau golongan eksklusif korporat tertentu.




CIRI-CIRI WAQAF KORPORAT



MODEL WAQAF KORPORAT



JUMLAH KUTIPAN TAHUNAN



PORTFOLIO PELABURAN

- Pendidikan
- Health & Wellness
- Kewangan & Teknologi
- Hartanah
- Lain-Lain

PELABURAN : PENDIDIKAN



AWQAF EDUCATION SDN BHD

Pelaburan AWQAF dalam sektor pendidikan sudah bertapak lebih daripada dua tahun dan pengalaman ini digalas bagi menjamin kualiti perkhidmatan pendidikan yang akan diberikan kepada bukan satu pusat pendidikan malah lebih banyak lagi pusat-pusat pembelajaran yang akan dilaburkan dalam tempoh 2023 ke 2025 akan datang.

AL-HAMRA INTEGRATED SCHOOL

Al-Hamra Integrated School adalah penanda aras pertama. Al-Hamra adalah sebuah pusat pendidikan yang mempunyai visi dan misi melahirkan pemimpin-pemimpin masa hadapan dengan mengetengahkan nilai "Khairu Ummah" untuk diterapkan kepada anak-anak permata sekolah. Al-Hamra sebagai pusat pendidikan holistik menawarkan silibus yang berkualiti, diterapkan daripada Cambridge Assessment International Education dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

44.2%
kenaikan jualan

RM912,941
lebih tinggi berbanding 2021



Ini adalah salah satu inisiatif pelaburan penting bagi AWQAF untuk bersama-sama memperkasakan institusi pendidikan yang menjadi denyut nadi dalam pembangunan tamadun dan generasi akan datang. Bagi mengurus operasi sekolah ini, AWQAF Education Sdn Bhd (AESB) telah ditubuhkan pada 31 Mac 2021. AESB adalah anak syarikat 100% milik AWQAF Holdings Berhad.

Kumpulan AWQAF berazam dan komited untuk meningkatkan taraf dan potensi institusi pendidikan Islam dari semasa ke semasa, dan menggalas bertanggungjawab untuk membina generasi pelajar yang bakal menjadi pemimpin akan datang sebagai peneraju ketamadunan Islam yang cemerlang. Justeru antara inisiatif yang bakal dipelopori AWQAF adalah peluang biasiswa pembelajaran kepada golongan pelajar B40 yang berpotensi di sekolah milik AWQAF.

Pertumbuhan ekonomi pasca era pandemik Covid-19, tidak menjadi halangan untuk AWQAF tambah baik pengendalian dan servis pendidikan di Al-Hamra International School. Disember 2022 menyaksikan kenaikan jualan sebanyak 44.2% yang membawa kepada RM 912,941 lebih tinggi daripada tahun 2021.



Program Bakti Insan

Program Bakti Insan merupakan salah satu aktiviti yang termasuk dalam Program Pembangunan Potensi Insan (HPDP) Al-Hamra.

Program ini dianjurkan untuk mendedahkan warga akademik dan pengurusan Al-Hamra dengan elemen kesukarelawanan terutama ketika negara sedang berhadapan dengan bencana banjir yang paling teruk.

Melalui Program Bakti Insan, petugas berpeluang menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di Kampung Jawa, Hulu Langat.

Alhamdulillah, Program Bakti Insan mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak termasuk ibu bapa dan penjaga Al-Hamra, Yayasan ZuriatCARE, Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Maahad Tahfiz AZ Zahrah, dan pasukan sukarelawan Renjer Banjir Langat.



Hari Sukan Al Hamra

Pandemik COVID-19 telah menjadi saksi program tahunan ini telah ditangguhan selama lebih daripada dua tahun. Pada tahun 2022, Hari Sukan Al-Hamra telah kembali untuk meriahkan lagi aktiviti-aktiviti tahunan sekolah.

Demi memupuk semangat kesukanan dan silaturrahim antara mereka, Hari Sukan Al Hamra menjadi platform untuk para pelajar menampilkan kehebatan daripada rumah sukan masing-masing melalui sukan-sukan yang telah dipertandingkan. Antaranya pertandingan catur, olahraga padang dan banyak lagi.

Ihya Ramadan

Sempena menyambut Ramadan, Program Ihya' Ramadan 2022 adalah program wajib yang akan dijalankan pada setiap tahun di Sekolah Al-Hamra.

Pelbagai program yang menarik telah disediakan kepada para pelajar bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mereka tentang kepentingan persediaan mental, emosi dan fizikal untuk menyambut bulan Ramadan. Pelbagai aktiviti turut diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara ibu bapa, penjaga, guru dan kakitangan sekolah serta AWQAF.

Haji Muda Al-Hamra

Objektif program istimewa ini dilaksanakan adalah untuk membina kesedaran berkenaan peristiwa terpenting yang berlaku ketika bulan Zulhijjah iaitu ibadah Haji dan pengalaman buat semua yang terlibat dengan simulasi aktiviti ketika ibadah Haji dilaksanakan.

Bukan setakat pengalaman melakukan ibadah haji sahaja, program ini dapat memupuk kesedaran akan kesungguhan kita untuk memahami dan melaksanakan rukun islam yang kelima ini kelak.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah melibatkan simulasi mengerjakan rukun haji, Projek 3D Haji dan Pembentangan Ibadah Haji.

PELABURAN : HEALTH & WELLNESS

Pengalaman era pandemik memberi banyak pengajaran kepada masyarakat akan kepentingan memiliki tubuh dan imuniti yang berkualiti bagi setiap individu tidak kira daripada anak kecil hingga dewasa. Selaras dengan fokus negara untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan sedia ada dan persediaan Malaysia negara tua pada 2023, AWQAF mengambil peranan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan, peluang untuk masyarakat lebih sihat tanpa menepikan faktor usia dengan pelaburan melalui pembukaan francais kesihatan CURVES Club dan penubuhan Damai Senior Care Centre di bawah pentadbiran anak syarikat, AHB Wellness Sdn Bhd dan Damai Senior Care Centre Sdn Bhd.

AHB WELLNESS SDN BHD

Bagi memangkin pengurusan yang lebih baik dalam urus tadbir sektor ini, AHB Wellness Sdn Bhd telah ditubuhkan dan secara rasmi didaftarkan pada Jun 2022. Anak syarikat ini akan diuruskan untuk melancarkan gerak kerja francais-francais kesihatan yang bernaung di bawah AWQAF Holdings iaitu CURVES Fitness Centre.

CURVES



Fasiliti dalam industri kesihatan dan kecergasan perlu diberi ruang untuk semua pihak nikmati kemudahannya dengan selamat dan selesa. Inisiatif CURVES Malaysia ini memberi peluang kepada para wanita untuk menjaga kesihatan di satu kemudahan gimnasium yang patuh Syariah, berkonsepkan latihan litar dan paling penting selamat. AWQAF terus meneroka peluang dan membuka lebih banyak francais pusat kecergasan ini di mana tiga kawasan cawangan telah dibuka iaitu di Bukit Jelutong, Setia Alam dan yang baru dibuka di Bangi Sentral. AWQAF yakin dan mensasarkan beberapa buah francais lagi akan dibuka pada tahun 2024 atas faktor prestasi semasa yang baik cawangan-cawangan CURVES milik AWQAF.



CURVES Bukit Jelutong & CURVES Setia Alam

Curves Bukit Jelutong & Curves Setia Alam terus bergiat aktif pada tahun 2022 dengan tawaran pelbagai promosi yang menarik setiap bulan. Antara promosi yang ditawarkan khusus untuk ahli baru sepanjang tahun 2022 ialah potongan harga sehingga 50% - 75% untuk Yuran Penyertaan (Joining Fee),

Yuran Bulanan hanya RM1 sahaja pada bulan April dan September 2022, dan istimewa pada bulan Disember 2022 telah berlangsungnya promosi 'Curves Gives Back', iaitu yuran bulanan untuk ahli baru yang mendaftar pada bulan Disember hanya RM50 sahaja dan ianya akan ditukarkan kepada bentuk barang makanan kering yang akan didermakan kepada badan kebajikan di kawasan Selangor.

Pada bulan Disember juga Curves telah berkolaborasi bersama Watsons, di mana ahli Watsons yang ingin menjadi ahli Curves akan mendapat 66% diskaun untuk yuran penyertaan. Dengan adanya promosi-promosi yang ditawarkan setiap bulan, penambahan ahli baru boleh mencapai sehingga 18-24 orang pada bulan-bulan tertentu.

Selain tawaran promosi yang ditawarkan sepanjang tahun 2022 mendapat sambutan yang memberangsangkan, Curves Bukit Jelutong & Curves Setia Alam juga aktif dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk ahli-ahlinya. Antaranya dengan menggalakkan ahli-ahli untuk hadir bersenam, pemberian 'merchandise' Milestone T-shirt 100,300,500 & 700 di mana bilangan tersebut mewakili hari ahli sudah hadir bersenam di gimnasium dan pemberian hadiah buat ahli yang berjaya mencapai sasaran dalam setiap sesi senaman setiap bulan.

268%
kenaikan jualan

RM520,754
pendapatan keseluruhan 2022

413
Ahli aktif CURVES



CURVES Bangi Sentral

Cawangan ketiga Curves di bawah AWQAF Holdings Berhad telah disasarkan untuk dibuka di sekitar Bangi Sentral pada pertengahan tahun 2023. Kejayaan dua cawangan Curves di Setia Alam dan Bukit Jelutong memberi galakan yang lebih baik untuk cawangan baru terus dibuka di bawah naungan AWQAF Holdings dalam jangka masa lebih kurang setahun sahaja selepas Curves Setia Alam dibuka iaitu pada awal 2022.

Rekod keahlian keseluruhan tahun 2022 untuk Curves di bawah AWQAF Holdings adalah seramai 413 ahli aktif.

Akhir Disember 2022, rekod jualan Curves secara keseluruhan mencatatkan jumlah RM 520,754 iaitu 268% lebih tinggi daripada tahun 2021.



DAMAI SENIOR CARE CENTRE

Kumpulan AWQAF telah memulakan perkhidmatan pusat jagaan warga emas ini di Jalan Damai, Kuala Lumpur di bawah pengurusan anak syarikat Damai Senior Care Centre Sdn Bhd.

Perkhidmatan Damai Residence Senior Care ini merupakan satu industri yang berpotensi besar pada masa akan datang, yang mana Malaysia sedang berdepan cabaran Negara Tua 2030. Pelaburan Damai Residence Senior Care ini meletakkan sasaran pendapatan sehingga RM1 juta pada tahun kedua beroperasi.

Senarai perkhidmatan yang disediakan Damai Residence Senior Care ini termasuk servis rehabilitasi, penjagaan dementia, pengurusan luka dan stoma, ambulans, fisioterapi, hidroterapi dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti komuniti. Penyediaan dan penjagaan yang holistik di pusat jagaan ini akan menjadi pusat sehenti pilihan bagi semua warga emas yang menginginkan khidmat pusat jagaan terbaik yang pernah mereka alami.




PEMBIAYAAN MESIN ECHOCARDIOGRAPHY

Penjanaan pendapatan melalui pembiayaan mesin Echocardiography (ECG) merupakan salah satu kerjasama AWQAF Holdings Berhad dan USM dalam membangunkan industri kesihatan dan perubatan. Ini juga secara tidak langsung membantu untuk mengukuhkan lagi industri wakaf perubatan di Malaysia.

Dengan mengambil aspek sebagai sebuah hospital yang menjadi hospital pengajar universiti yang menerajui bidang pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan kesihatan di Malaysia, maka Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) telah dipilih sebagai penerima.

Mesin yang bernilai RM190 ribu ini berfungsi untuk membuat imbasan dan penilaian kesihatan dan struktur jantung pesakit. Selain itu, mesin ini juga dapat membuat pengesahan awal penyakit lemah jantung dan keadaan fungsi-fungsi injap jantung. Mesin ini akan ditempatkan di Wad Eksekutif bagi kegunaan pesakit yang memerlukan HUSM.

Kontrak lima tahun bersama pihak USM, masih diteruskan sehingga suku ketiga tahun 2024. Ini membawa kepada keuntungan keseluruhan yang akan direkodkan adalah sebanyak RM 93,500 bersamaan 49.2% pulangan pelaburan yang akan dicatatkan.



PELABURAN : TEKNOLOGI DAN KEWANGAN



BIZ AMAL

Sebagai langkah progresif untuk meningkatkan pengalaman dan kemudahan kepada pewakaf dan pengguna, AWQAF Holdings Berhad dengan bangganya mengumumkan kerjasama strategik dengan ToyyibPay. Kerjasama ini bertujuan untuk mengembangkan aplikasi inovatif yang dikenali sebagai "Biz Amal". Dengan kolaborasi ini, kami berharap dapat membawa perkhidmatan wakaf ke tahap yang lebih tinggi, memanfaatkan teknologi terkini dalam pembayaran digital dan kemudahan dalam berurusan dengan aktiviti AWQAF. Aplikasi "Biz Amal" dihasilkan untuk memberikan platform yang pantas, cekap, dan selamat kepada pewakaf dan pengguna dalam melaksanakan pelbagai urusan berkaitan wakaf dan aktiviti-aktiviti AWQAF.

Dalam usaha untuk memberikan kelebihan dan kemudahan kepada pengguna, aplikasi "Biz Amal" sedang dalam proses pembinaan dan pengembangan yang berterusan. Kami berusaha untuk memastikan setiap aspek aplikasi ini memenuhi standard kualiti tertinggi, termasuk kestabilan dan keselamatan data. Aplikasi ini dijangka akan sepenuhnya siap untuk digunakan menjelang hujung tahun 2023. Ini merupakan tonggak penting dalam perkembangan teknologi untuk industri awqaf, dan kami berkomitmen untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik melalui "Biz Amal".

Selain daripada memperkenalkan aplikasi "Biz Amal", AWQAF Holdings Berhad juga berazam untuk memperbaharui dan memperkemaskan portal keahlian sedia ada. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha kami dalam menyediakan saluran yang lebih baik untuk komunikasi dan penyampaian maklumat kepada komuniti kami. Aplikasi "Biz Amal" bukan hanya memberikan kemudahan dalam pendaftaran sebagai ahli dan membuat penambahan wakaf, tetapi juga memberikan akses kepada maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti AWQAF dan perniagaan yang dijalankan oleh AWQAF. Pengguna juga akan dapat membuat pembayaran yang diperlukan berkaitan dengan perniagaan yang dilaksanakan oleh AWQAF melalui platform ini. Ini adalah komitmen kami untuk terus meningkatkan perkhidmatan kami melalui penggabungan teknologi dan inovasi dalam industri AWQAF.

PELABURAN : HARTANAH DAN LAIN-LAIN

PELABURAN HARTANAH


Melalui Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), AWQAF telah mendapat status Mutawalli sebagai pengumpul dana wakaf yang sah. AWQAF telah mengenal pasti beberapa Tanah Wakaf serta tanah milik MAINS untuk dibangunkan menjadi kawasan rumah kedai yang boleh memberi manfaat kepada usahawan baharu, terutamanya mereka yang baru memulakan perniagaan.

Untuk mencapai matlamat ini, AWQAF akan membangunkan Inisiatif Hartanah kami sendiri, terutamanya di Usahawan Kecil dan Sederhana (PKS) & pusat perniagaan di Negeri Sembilan.

PEMBIAYAAN IJARAH BERSAMA KAMOSA SDN BHD

Usaha dan program pembelian mesin seperti ECG ini juga akan diteruskan kepada beberapa syarikat dan institusi lain seperti KAMOSA Sdn Bhd bagi pembelian mesin projek kontrak bersama Indah Water Konsortium (IWK).

Pembentangan kerjasama dengan projek Indah Water Konsortium (IWK) ini telah bermula sejak 2021 lagi. AWQAF membantu syarikat KAMOSA Sdn Bhd bagi menyediakan khidmat serta jual beli peralatan dan mesin kepada IWK di Kuala Kangsar. Melalui servis pembentangan ini, AWQAF memperoleh keuntungan bayaran modal beserta untung melalui perkhidmatan yang disediakan oleh pihak KAMOSA. Keuntungan terkumpul yang diunjurkan adalah sebanyak RM54,000 sehingga tahun 2023.



QUANTUM METAL

Quantum Metal Sdn Bhd adalah sebuah syarikat pengimport dan pembekal emas di Malaysia khasnya dan negara-negara ASEAN amnya. Quantum Metal adalah pengedar utama emas London Bullion Market Association (LBMA) di Malaysia. Ia juga menyediakan pembangunan dan perkhidmatan teknologi kewangan (fintech), penyelesaian sistem perbankan dan perdagangan Logam Berharga kepada rakan kongsi tempatan seperti bank, institusi kewangan, koperasi dan pasaran runcit di Malaysia.

AWQAF optimis menjadikan Quantum Metal sebagai salah satu platform pelaburan untuk menaja pendapatan melalui pelaburan emas secara digital dan fizikal.

Melalui pelaburan ini, AWQAF berjaya merekodkan keuntungan bersama komisen dengan jumlah keseluruhan RM 9,952.15 iaitu pulangan pelaburan sebanyak 11% dalam jangka masa 6 bulan.



QUANTUM METAL
.TRANSFORM YOUR CURRENCY INTO GOLD.



AKTIVITI AWQAF

- Yayasan ZuriatCARE
- EDUWAQF
- AWQAF4HEALTH



YAYASAN ZURIATCARE

Yayasan ZuriatCARE membawa satu matlamat yang jelas iaitu memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan perlindungan nyawa (hifz al-nafs) dan pemeliharaan keturunan (hifz-nasb) serta kepentingan melindungi zuriat sebagai pewaris generasi masa hadapan.



• Program-Program YZC



- Peluang Kedua

Program bagi melindungi golongan remaja yang hamil tidak dirancang serta bayi mereka. Turut merangkumi inisiatif dan program bagi pembangunan modal insan dan remaja yang keciran dari sudut pembelajaran.

- CAMELLIA

CAMELLIA (Campaign for Mental Illness Inclusivity and Mental Health Awareness) adalah sebuah program berteraskan isu kesihatan dan penyakit mental secara holistik.

- AWAS Malaysia

AWAS (AWareness Against Suicide) adalah sebuah program kesedaran yang memfokuskan tentang isu pencegahan bunuh diri dan postvention. Program ini bersifat memberi sokongan dalam komuniti melalui sokongan peer, iaitu AWAS Buddy dan talian Text-a-Buddy 010-2344 808.

Bagi tahun 2022, jumlah dana keseluruhan sumbangan yang diterima oleh ZuriatCARE adalah sebanyak RM118,150. Jumlah agihan dana ZuriatCARE yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak RM97,098.

• Sekilas Pandang Aktiviti YZC 2022



EDUWAQF & AWQAF4HEALTH

EduWAQF:

Agihan Keseluruhan RM 241,307

Agihan Tahun 2022 RM 8,000

AWQAF melalui tabung EduWAQF terus komited dalam memberi sumbangan bagi menggiatkan lagi program dan aktiviti pemerksaan ilmu pengetahuan dan ketamadunan Islam.

Bagi sesi 2022, EduWAQF telah meneruskan kegiatan agihan sumbangan kepada persatuan dan badan NGO. Sebanyak empat persatuan dan NGO telah dipilih bagi menerima sumbangan RM8,000.00 daripada Tabung EduWaaf.

Senarai penerima sumbangan:

1. SRAR Pusat Pelajar Islam
2. PEMIKIR (Pertubuhan Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah)
3. Untuk Malaysia
4. Camellia - YZC

AWQAF4Health:

Agihan Keseluruhan RM 219,423

Agihan Tahun 2022 RM 56,964

Agihan AWQAF4Health bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM56,964 bagi Tabung Bersatu Hati DPIM, Sumbangan Test-Kit COVID-19 dan Program Bakti Insan.



LAPORAN KEWANGAN

No. Pendaftaran: 201201031092 (1015578-X)

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022

WAN NADZIR & CO.
Akauntan Bertauliah

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

Kandungan

Maklumat Korporat	1
Laporan Para Pengarah	2 – 5
Penyata Para Pengarah	6
Pengakuan Berkanun	6
Laporan Juruaudit	7 – 9
Penyata Pendapatan Komprehensif	10
Penyata Kedudukan Kewangan	11 - 12
Penyata Perubahan Ekuiti	13
Penyata Dana Tabung	14
Penyata Aliran Tunai	15 - 17
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	18 – 56

Muka surat

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah	: Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sh Bakir Haji Mohammad Sahar bin Mat Din Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Md Noor Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah binti Engku Ali Dr. Ridzwan bin Bakar Puan Azizah binti Abdul Rahman Puan Rafe'ah binti Ariffin Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff Encik Adli Harith bin Mahyuddin Dato' Khairul Shahril bin Hamzah
------------------	---

*(Dilantik pada 26.10.2022)
(Berhenti pada 22.9.2022)*

Setiausaha Syarikat	: Fattiadriati binti Mohd Tareh Fatintafrina binti Mohd Tareh
Pejabat Berdaftar	: C-39-G, Star Avenue Commercial Centre Jalan Zuhal U5/178, Seksyen U5 40150 Shah Alam Selangor Darul Ehsan

Pejabat Perniagaan	: No. 18, Tingkat 1 Jalan Serambi U8/24 Seksyen U8, D'Bayu, Bukit Jelutong 40150 Shah Alam Selangor Darul Ehsan
--------------------	---

Juruaudit	: Wan Nadzir & Co. Akauntan Bertauliah
-----------	---

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

KEGIATAN UTAMA

Aktiviti utama Syarikat ialah untuk menerima sumbangan, mengurus atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf lain dengan bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan dan pendidikan untuk manfaat komuniti. Aktiviti utama anak-anak Syarikat adalah seperti yang dinyatakan di Nota 16 kepada penyata kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Lebihan bagi tahun kewangan semasa berkaitan dengan:-
Pemilik Syarikat

Kumpulan	Syarikat
RM <u>16,338</u>	RM <u>784,055</u>

DIVIDEN

Sebagai syarikat berhad dengan jaminan tanpa saham, tiada dividen diisyihar atau dibayar.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pemindahan yang material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain yang dinyatakan dalam Penyata Perubahan Ekuiti.

TERBITAN SAHAM ATAU DEBENTUR

Sebagai syarikat berhad dengan jaminan tanpa saham, tiada saham diterbitkan. Tiada debentur diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKENAAN PENYATA KEWANGAN

- a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar:
 - i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan elaun hutang rugu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan elaun yang secukupnya telah dibuat untuk hutang rugu; dan
 - ii) bahawa segala aset semasa yang mungkin tidak dapat diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan termasuk nilai seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh diperolehi.
- b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:
 - i) yang boleh mengakibatkan amaun yang dihapus kira sebagai hutang lapuk atau amaun elaun untuk hutang rugu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi ke tahap yang cukup besar; atau
 - ii) yang boleh mengakibatkan kekeliruan atau ketidaksesuaian ke atas nilai segala aset semasa; atau

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

MAKLUMAT BERKENAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- iii) yang timbul yang mengakibatkan kekeliruan atau ketidaksesuaian ke atas pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada.
- c) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
 - i) sebarang gadaian ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan sebagai jaminan liabiliti pihak lain; dan
 - ii) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- d) Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang mana, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin boleh menjelaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi obligasi apabila tiba masanya.
- e) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan yang akan mengakibatkan kekeliruan ke atas sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini.
- f) Pada pendapat para Pengarah:
 - i) keputusan daripada operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa; dan
 - ii) tidak timbul dalam jangka masa antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan ini sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin akan mempengaruhi dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini disediakan.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang berkhidmat sejak permulaan tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah seperti berikut:-

Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sh Bakir
Haji Mohammad Sahar bin Mat Din*
Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali
Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Md Noor
Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah binti Engku Ali
Dr. Ridzwan bin Bakar
Puan Azizah binti Abdul Rahman
Puan Rafe'ah binti Ariffin*
Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff*
Encik Adli Harith bin Mahyuddin
Dato' Khairul Shahril bin Hamzah

*(Dilantik pada 26.10.2022)
(Berhenti pada 22.9.2022)*

*Pengarah ini juga merupakan pengarah bagi sebahagian syarikat berkaitan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

Pengarah bagi syarikat berkaitan yang berkhidmat sejak permulaan tahun kewangan hingga tarikh laporan ini, tidak termasuk para Pengarah yang disenaraikan di atas adalah Encik Ibrahim Adham bin Asmail @ Ismail.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar Pegangan Saham Pengarah, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat atau syarikat berkaitan sepanjang tahun kewangan.

FAEDAH PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya adalah untuk membolehkan para Pengarah mendapat manfaat melalui perolehan saham dalam Syarikat atau sebarang badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima apa-apa faedah (selain daripada yang telah dinyatakan di nota-nota kepada penyata kewangan) yang disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah itu atau dengan sebuah firma di mana Pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah itu mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

INDEMNITI PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada indemniti yang telah diberikan atau premium insurans yang dibayar, sepanjang atau sejak akhir tahun kewangan, untuk mana-mana orang yang merupakan atau pernah menjadi Pengarah, pegawai atau juruaudit Syarikat.

JURUAUDIT

Bayaran juruaudit dinyatakan di Nota 9 pada penyata kewangan.

Juruaudit, Wan Nadzir & Co., telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

KELULUSAN LAPORAN PARA PENGARAH

Laporan ini dibulaskan oleh para Pengarah, dan disandutangani bagi pihak para Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah.

Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'dighi binti Siti Bakir
Pengarah

Haji Mohamad Saliar bin Mat Din
Pengarah

Shah Alam
Bertarikh: **29 AUG 2023**

No. Pendataran: 201201031092 (1015578-X)

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PADA PENGARAH


Menurut Seksyen 251(2) oleh Akta Syarikat 2016

Kami, Tan Sri Datin Paduka Sri Siti Sa'diah binti Sh Bakir dan Haji Mohamad Sahar bin Mat Din, dua daripada Pengarah AWQAF Holdings Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 10 hingga 56 telah disediakan selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkemaraan dengan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2022 dan keputusan kerdilian serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Dilat datangkan selaras dengan resolusi para Pengarah



Tan Sri Datin Paduka Sri Siti Sa'diah binti Sh Bakir
Pengarah



Haji Mohamad Sahar bin Mat Din
Pengarah

Shah Alam
Bertarikh:


AKUAN BERKAMUN

Menurut Seksyen 251(1) oleh Akta Syarikat 2016

Saya, Puan Azizah binti Abdul Rahman, Pengarah yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan AWQAF Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan telus ikut mengakui bahawa penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang dibentangkan di muka surat 10 hingga 56 adalah pada pengetahuan dan kepercayaan saya, benar dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa iaanya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkamun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
Rasmiyah yang tersebut di atas
di Shah Alam dalam negeri
Selangor Darul Ehsan pada

29 AUG 2023


Puan Azizah binti Abdul Rahman



Tuan Nazaim Tamim & Associates,
Pegawai Syarie,
Unit No. 33A, Kompleks XPPMS,
Lot 291, Jalan Rtu 3/8A, Seksyen 3,
40000 Shah Alam, Selangor.

LAPORAN JURUAUDIT

LAPORAN JURUAUDIT BERAS KEPADA AHLI-AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD [No. Pendataran: 201201031092 (1015578-X)]

Laporan ke atas Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan AWQAF Holdings Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, penyata pendapatan komprehensif, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan polisi perakaunan yang signifikan, seperti yang dibentangkan pada muka surat 10 hingga 56.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut adalah selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan piawaian-piawaian yang diluluskan ke atas pengauditan di Malaysia dan Piawaian-piawaian Antarabangsa ke atas Pengauditor. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam perenggan *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* pada laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab-tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Kumpulan dan Syarikat selaras dengan *Undang-undang Kecil (ke atas Etika-Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional)* oleh Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan *Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian-piawaian Kebebasan Antarabangsa)* ("Kod IESBA") oleh Lembaga Piawaian-piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA tersebut.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Para Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dan laporan juruaudit kami.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak termasuk Laporan Para Pengarah tersebut dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan yang memberi jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Para Pengarah tersebut dan, dengan berbuat demikian, pertimbangkan samu ada Laporan Para Pengarah tersebut tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau pengetahuan yang kami peroleh dalam audit atau sebaliknya tersalah nyata dengan material.

SHAH ALAM OFFICE

1, Jalan 3/100A
Kompleks XPPMS
Section 3
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

03-9052 2015
03-9052 2016
• Fax: 03-9052 2017
• Email: shah@nazaim.com.my
• Website: www.nazaim.com.my

W

LAPORAN JURUAUDIT (SAMBUNGAN)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD [No. Pendeklarasi: 202201031092 (1015578-X)]

Laporan ke atas Audit Penyata Kewangan (sambungan)

Maklumat Setiausaha terhadap Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (sambungan)

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang material dalam Laporan Para Pengarah tersebut, kami dikehendaki melaporkan salah nyata tersebut. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan berkaitan hal ini.

Tanggungjawab-tanggungjawab Para Pengarah bagi Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti yang para Pengarah tentukan sebagai keperluan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang material, sahaja ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Syarikat sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mutu berkacaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan bagi usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Kumpulan dan Syarikat atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab-tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah suma ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sahaja ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan selaras dengan piawaian-piawaian yang diluluskan ke atas pengauditan di Malaysia dan Piawaian-piawaian Antarabangsa ke atas Pengauditan akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap sebagai material jika secara sendirinya atau berkumpulan, salah nyata tersebut dengan munasabahnya dijangka akan mempengaruhi keputusan ekonomi untuk pengguna yang berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian-piawaian yang diluluskan ke atas pengauditan di Malaysia dan Piawaian-piawaian Antarabangsa ke atas Pengauditan, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa pengauditan dijalankan. Kami juga:-

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang material dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, meraka bentuk dan melaksana prosedur audit yang responsif kepada risiko berkacaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesahkan salah nyata yang material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata yang material akibat daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melihatkan pakatan sulit, penaltuan, peninggalan dengan sengaja, gambaran yang salah, atau pelangkauan kawalan dalaman.

W

LAPORAN JURUAUDIT (SAMBUNGAN)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD [No. Pendeklarasi: 202201031092 (1015578-X)]

Laporan ke atas Audit Penyata Kewangan (sambungan)

Tanggungjawab-tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (sambungan)


- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan terbabit, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Syarikat.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan bagi kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.
- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, secara keseluruhan dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan bagi usaha berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang telah diperolehi, sama ada ketidakpastian yang material wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan mungkin boleh menyebabkan Kumpulan dan Syarikat berhenti daripada terus sebagai satu usaha berterusan.

- Memperoleh bukti audit yang sesuai dan mencukupi mengenai maklumat kewangan aktiviti entiti atau perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas pengarahan, pemantauan dan pelaksanaan audit kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab hanya ke atas pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara lain-lain perkara, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 266 oleh Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.


WAN NADZIR & CO.
AI No.: 1234
Akauntan Bertauliah


Zulkifli Amran bin Ismail
No. Kelulusan 02532/05/2024 (J)
Rakan Kongsi Firma

Tempat: Shah Alam
Tarikh: 29 AUG 2023

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022**

	Kumpulan		Syarikat			
	<u>Nota</u>	Dinyatakan semula		<u>Nota</u>	Dinyatakan semula	
		<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM		<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Pendapatan	4	3,727,211	2,213,168	659,938	149,657	
Kos jualan dan servis	5	(1,787,711)	(1,111,364)	(372,919)	(174,768)	
Lebihan/(Kurangan) kasar		1,939,500	1,101,804	287,019	(25,111)	
Pendapatan lain	6	1,646,902	430,776	1,660,973	201,768	
Kerugian rosotnilai	7	(218,383)	(81,485)	(256,460)	(38,553)	
Perbelanjaan pajakan	8	(1,946,041)	(1,727,650)	(96,822)	(82,004)	
Perbelanjaan pentadbiran	9	(1,134,752)	(1,107,408)	(542,244)	(580,651)	
Perbelanjaan operasi	10	(205,924)	(142,208)	(203,447)	(141,894)	
Perbelanjaan lain		(64,964)	(346,559)	(64,964)	(346,559)	
Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai		16,338	(1,872,730)	784,055	(1,013,004)	
Cukai	11	-	-	-	-	
Lebihan/(Kurangan) tahun semasa/Jumlah lebihan/(kurangan) komprehensif tahun semasa		16,338	(1,872,730)	784,055	(1,013,004)	
Berkaitan dengan:-						
Pemilik Syarikat		16,338	(1,872,730)	784,055	(1,013,004)	

Nota-nota yang disertakan membentuk bahagian yang integral kepada penyata kewangan ini.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022**

	Kumpulan		Syarikat			
	<u>Nota</u>	Dinyatakan semula		<u>Nota</u>	Dinyatakan semula	
		<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM		<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
ASET BUKAN SEMASA						
Loji dan peralatan	12	417,465	482,665	389,064	464,129	
Aset hak gunaan	13	3,842,838	2,303,098	275,435	114,168	
Hartanah pelaburan	14	454,325	463,873	454,325	463,873	
Aset tak ketara	15	180,681	236,708	176,181	236,708	
Pelaburan dalam subsidiari	16	-	-	3,000	1,000	
Penghutang pajakan	17	43,762	88,752	43,762	88,752	
Jumlah aset bukan semasa		4,939,071	3,575,096	1,341,767	1,368,630	
ASET SEMASA						
Inventori, pada kos		93,317	4,718	33,120	-	
Penghutang dagangan	18	746,130	847,254	68,839	31,536	
Penghutang pajakan	17	360,146	37,991	360,146	37,991	
Penghutang lain, deposit dan prabayar	19	1,420,298	587,223	77,457	37,945	
Amaun terhutang daripada pihak berkaitan	20	-	-	2,885,317	1,197,300	
Pelaburan lain	21	22,043	-	22,043	-	
Simpanan tetap di bank berlesen		1,996,600	4,611,820	1,996,600	4,611,820	
Tunai dan baki di bank	22	318,535	550,098	236,874	456,458	
Jumlah aset semasa		4,957,069	6,639,104	5,680,396	6,373,050	
LIABILITI SEMASA						
Liabiliti pajakan	23	1,874,561	1,223,848	89,100	92,295	
Pemiutang dagangan		800,224	1,230,863	249,288	318,679	
Pemiutang lain, deposit dan akruan	24	636,000	2,129,799	488,182	2,106,298	
Jumlah liabiliti semasa		3,310,785	4,584,510	826,570	2,517,272	
ASET SEMASA BERSIH		1,646,284	2,054,594	4,853,826	3,855,778	
		6,585,355	5,629,690	6,195,593	5,224,408	

Nota-nota yang disertakan membentuk bahagian yang integral kepada penyata kewangan ini.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

	Kumpulan		Syarikat				
	Nota	Dinyatakan semula		Nota	Dinyatakan semula		
		2022	2021		2022	2021	
EKUITI							
Modal dana wakaf korporat	25	12,886,714	12,854,568	12,886,714	12,854,568		
Kurangan terkumpul		(8,511,508)	(8,527,846)	(6,884,065)	(7,668,120)		
Jumlah ekuiti		4,375,206	4,326,722	6,002,649	5,186,448		
LIABILITI BUKAN SEMASA							
Liabiliti pajakan	23	2,210,149	1,302,968	192,944	37,960		
		6,585,355	5,629,690	6,195,593	5,224,408		

Nota-nota yang disertakan membentuk bahagian yang integral kepada penyata kewangan ini.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022**

	Berkaitan dengan pemilik Syarikat				
	Nota	Kurangan terkumpul			
		Modal dana wakaf korporat	Tabung ZuriatCare	Tabung dan dana am	Jumlah
Kumpulan					
Pada 3 Mac 2021		12,707,402	110,123	(6,765,239)	6,052,286
Penerimaan dana wakaf		147,166	-	-	147,166
Kurangan tahun semasa/ Jumlah kurangan komprehensif tahun semasa		-	-	(1,762,607)	(1,762,607)
Pemindahan dana ke Yayasan ZuriatCare	30	-	(110,123)	-	(110,123)
Pada 31 Disember 2021		12,854,568	-	(8,527,846)	4,326,722
Pada 31 Disember 2021		12,854,568	-	(8,862,082)	3,992,486
- Seperti dinyatakan sebelum		-	-	(8,862,082)	3,992,486
- Pelarasan tahun sebelum	32	-	-	334,236	334,236
Pada 1 Januari 2022		12,854,568	-	(8,527,846)	4,326,722
- Seperti dinyatakan semula		32,146	-	-	32,146
Penerimaan dana wakaf		-	-	-	32,146
Lebihan tahun semasa		-	-	16,338	16,338
Pada 31 Disember 2022		12,886,714	-	(8,511,508)	4,375,206
Syarikat					
Pada 1 Januari 2021		12,707,402	110,113	(6,765,229)	6,052,286
Penerimaan dana wakaf		147,166	-	-	147,166
Kurangan tahun semasa/ Jumlah kurangan komprehensif tahun semasa		-	-	-	-
Pemindahan dana ke Yayasan ZuriatCare	30	-	(110,123)	-	(110,123)
Pada 31 Disember 2021		12,854,568	-	(7,668,120)	5,186,448
Penerimaan dana		32,146	-	-	32,146
Lebihan tahun semasa		-	-	784,055	784,055
Pada 31 Disember 2022		12,886,714	-	(6,884,065)	6,002,649

Nota-nota yang disertakan membentuk bahagian yang integral kepada penyata kewangan ini.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA DANA TABUNG
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

Syarikat	Tabung-tabung lain dan dana am						Jumlah kurangan terkumpul RM
	Tabung ZuriatCare RM	EduWaqf RM	AWQAF 4Health RM	Dana am RM	Jumlah RM		
Pada 1 Januari 2021	110,113	267,424	(124,170)	(6,908,483)	(6,765,229)	(6,655,116)	
<u>Penerimaan</u>							
Sumbangan	10	443	5,749	-	6,192	6,202	
Hasil jualan amal	-	-	20,874	-	20,874	20,874	
Keuntungan daripada simpanan di bank	-	100,027	-	12,843	112,870	112,870	
Lain-lain penerimaan	-	-	-	211,479	211,479	211,479	
<u>Pemindahan/Agihan</u>							
Pemindahan dana	(110,123)	(224,860)	(11,699)	-	(236,559)	(346,682)	
Lain-lain pemindahan /agihan	-	-	-	(1,017,747)	(1,017,747)	(1,017,747)	
Pada 31 Disember 2021	-	143,034	(109,246)	(7,701,908)	(7,668,120)	(7,668,120)	
<u>Penerimaan</u>							
Sumbangan	-	24	1,415	-	1,439	1,439	
Hasil jualan amal	-	3,000	27,736	-	30,736	30,736	
Keuntungan daripada simpanan di bank	-	40,509	28,392	25,079	93,980	93,980	
Lain-lain penerimaan	-	-	-	2,194,756	2,194,756	2,194,756	
<u>Pemindahan/Agihan</u>							
Lain-lain pemindahan /agihan	-	(8,000)	(56,964)	(1,471,892)	(1,536,856)	(1,536,856)	
Pada 31 Disember 2022	-	178,567	(108,667)	(6,953,965)	(6,884,065)	(6,884,065)	

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

Syarikat	Kumpulan		Syarikat		
	Nota	Dinyatakan semula RM	2022 RM	2021 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI					
Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai					
		16,338	(1,872,730)	784,055	(1,013,004)
Pelarasan untuk:-					
Hutang lapuk dihapus kira	10	169	-	169	-
Kerugian kredit dijangka	7	218,383	81,485	256,460	38,553
Keuntungan dari pelupusan pelaburan lain					
liabiliti pajakan	6	(2,210)	-	(2,210)	-
Kos pembiayaan ke atas liabiliti pajakan	8	136,477	135,025	1,831	5,415
Pelunasan aset tak ketara	10	61,027	35,470	60,527	35,470
Pendapatan kewangan	6	(145,845)	(155,489)	(145,845)	(155,489)
Susut nilai aset hak gunaan	8	1,464,226	1,171,053	94,991	76,589
Susut nilai hartanah pelaburan	10	9,548	9,548	9,548	9,548
Susut nilai loji dan peralatan	10	101,246	93,721	99,269	93,407
Lebihan/(Kurangan) kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja					
		1,859,359	(501,917)	1,158,795	(909,511)
Perubahan dalam:-					
Inventori		(88,599)	(4,718)	(33,120)	-
Penghutang		(950,503)	(1,408,526)	(333,444)	(598)
Pembiutang		(1,924,438)	1,141,154	(1,687,507)	205,469
Baki pihat berkaitan		-	-	(1,688,017)	(1,197,300)
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi					
		(1,104,181)	(774,007)	(2,583,293)	(1,901,940)
Hibah diterima	6c	93,980	112,870	93,980	112,870
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi					
		(1,010,201)	(661,137)	(2,489,313)	(1,789,070)

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat		
	Nota	2022 RM	Dinyatakan semula 2021 RM	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Terimaan dari pelupusan pelaburan lain					
	45,094	-	45,094	-	
Pelaburan dalam pelaburan lain	(64,927)	-	(64,927)	-	
Pelaburan dalam subsidiari	-	-	(2,000)	(1,000)	
Pembelian aset tak ketara	15	(5,000)	-	-	
Pembelian aset untuk penghutang pajakan	17	(600,000)	(300,000)	(600,000)	(300,000)
Pembelian loji dan peralatan	12	(36,046)	(192,404)	(24,204)	(173,554)
Terimaan dari penghutang pajakan	17	374,700	374,700	374,700	374,700
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(286,179)	(117,704)	(271,337)	(99,854)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pembayaran balik liabiliti pajakan (<i>Nota A</i>)		(1,582,549)	(1,094,743)	(106,300)	(78,300)
Penerimaan dana wakaf	25	32,146	147,166	32,146	147,166
Tunai bersih (digunakan dalam)/ dijana daripada aktiviti pelaburan		(1,550,403)	(947,577)	(74,154)	68,866
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(2,846,783)	(1,726,418)	(2,834,804)	(1,820,058)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		5,161,918	6,888,336	5,068,278	6,888,336
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		2,315,135	5,161,918	2,233,474	5,068,278

Nota-nota yang disertakan membentuk bahagian yang integral kepada penyata kewangan ini.

Nota-nota yang disertakan membentuk bahagian yang integral kepada penyata kewangan ini.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat		
	Nota	2022 RM	Dinyatakan semula 2021 RM	2022 RM	2021 RM
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI					
Tunai dan baki di bank					
	22	318,535	550,098	236,874	456,458
Simpanan tetap di bank berlesen		1,996,600	4,611,820	1,996,600	4,611,820
		2,315,135	5,161,918	2,233,474	5,068,278
Nota kepada Penyata Aliran Tunai:-					
A. Penyesuaian pergerakan liabiliti pajakan terhadap aliran tunai yang wujud daripada aktiviti pembiayaan:-					
Kumpulan		Kos	Aliran tunai		
<u>2022</u>		Tambahan	pembentukan	aktiviti	
Liabiliti pajakan		2,526,816	3,003,966	136,477	(1,582,549)
					4,084,710
<u>2021</u>					
Liabiliti pajakan		123,360	3,363,174	135,025	(1,094,743)
					2,526,816
Syarikat					
<u>2022</u>					
Liabiliti pajakan		130,255	256,258	1,831	(106,300)
					282,044
<u>2021</u>					
Liabiliti pajakan		123,360	79,780	5,415	(78,300)
					130,255

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022**1. MAKLUMAT AM**

Aktiviti utama Syarikat ialah untuk menerima sumbangan, mengurus atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf lain dengan bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan dan pendidikan untuk manfaat komuniti. Aktiviti utama anak-anak Syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 16 kepada penyata kewangan.

Syarikat ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia sebagai syarikat berhad dengan jaminan tanpa saham.

Pejabat berdaftar Syarikat beralamat di C-39-G, Star Avenue Commercial Centre, Jalan Zuhal U5/178, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Pejabat perniagaan Syarikat beralamat di No. 18, Tingkat 1, Jalan Serambi U8/24, Seksyen U8, Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Penyata kewangan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah mengikut resolusi Pengarah pada 29 Ogos 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**2.1 Keterangan pematuhan**

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan

Dasar perakaunan yang diguna pakai adalah selaras dengan yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya.

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Kumpulan dan Syarikat belum menerima pakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh penyata kewangan ini. Kumpulan dan Syarikat akan menggunakan piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa.

Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- MFRS 17, *Kontrak Insurans (Menggantikan MFRS 4)*
- Pindaan kepada MFRS 17, *Penggunaan Awal MFRS 9 dan MFRS 17 - Maklumat Perbandingan*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Tertunda Berkaitan Aset dan Liabiliti yang Timbul daripada Transaksi Tunggal*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Pembaharuan Percukaian Antarabangsa - Peraturan Model Dua Tiang*

Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

- Pindaan kepada MFRS 16, *Liabiliti Pajakan dalam Jualan dan Pajak Semula*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Liabiliti Bukan Semasa Berkovenan*

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)****2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)**
Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128, *Penjualan atau Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Kumpulan dan Syarikat akan menggunakan pakai, bagi yang mana berkenaan, piawaian dan pindaan-pindaan di atas apabila ia berkuat kuasa. Pemakaian piawaian dan pindaan-pindaan di atas dijangka tidak memberi kesan material ke atas pendedahan atau amaun yang diiktiraf di penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan semasa.

2.4 Asas pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di Nota 3 kepada penyata kewangan.

2.5 Mata wang persesembahan dan fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (“RM”), iaitu mata wang fungsian untuk Kumpulan dan Syarikat.

2.6 Penggunaan pertimbangan, anggaran dan andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS dan IFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan pengetahuan terbaik, namun demikian, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan sandaran andaian disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

Tiada perkara signifikan melibatkan ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam menggunakan polisi perakaunan yang mempunyai kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf di penyata kewangan kecuali yang berikut:-

i. Rosotnilai aset kewangan

Elaun kerugian untuk aset kewangan adalah berdasarkan andaian berkaitan risiko mungkir dan kadar kerugian yang dijangka. Kumpulan dan Syarikat menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian ini dan memilih input untuk pengiraan rosotnilai, berdasarkan sejarah Kumpulan dan Syarikat yang lalu, keadaan pasaran yang sedia ada dan anggaran yang memandang ke hadapan pada akhir setiap tempoh laporan.

ii. Pajakan – Kadar pinjaman bertokok

Kumpulan dan Syarikat menggunakan pakai pertimbangan dan andaian dalam menentukan kadar pinjaman bertokok pajakan. Kumpulan dan Syarikat pertamanya akan menentukan kadar pinjaman yang sedia ada yang paling dekat sebelum menggunakan pertimbangan signifikan untuk menentukan pelarasan diperlukan untuk mencerminkan terma, cagaran, nilai atau persekitaran ekonomik pajakan tersebut.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING**

Polisi perakaunan yang berikut telah diguna pakai secara konsisten pada tempoh kewangan yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Asas penyatuhan

Penyata kewangan disatukan mengandungi penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tempoh pelaporan yang sama dengan syarikat serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Anak syarikat disatukan dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Untuk menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua baki antara syarikat, keuntungan dan perbelanjaan serta keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang terhasil daripada baki transaksi antara syarikat dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan dan entiti kawalan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

3.1.1 Pelaburan dalam anak-anak Syarikat

Anak-anak Syarikat adalah semua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pulangan daripada penglibatan dalam entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan entiti terlibat melalui kuasa ke atas entiti tersebut. Anak-anak Syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Status anak-anak Syarikat akan dibatalkan bermula daripada tarikh kawalan berakhir.

Pelaburan dalam anak-anak Syarikat dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada.

Kaedah perakaunan pembelian digunakan bagi perakaunan penyatuhan anak-anak Syarikat. Berdasarkan kaedah ini, anak syarikat disatukan mulai dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan penyatuhan dihentikan mulai dari tarikh kawalan berakhir. Kos pengambilalihan diukur pada nilai saksama aset-aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga, tambah kos yang berkaitan secara terus semasa pengambilalihan.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuhan perniagaan pada awalnya diukur mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira kepentingan bukan kawalan. Lebihan kos pengambilalihan dan nilai saksama atas aset bersih yang dikenal pasti oleh Kumpulan semasa tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai muhibah. Sekiranya kos pengambilalihan kurang dari nilai saksama atas aset bersih anak-anak Syarikat yang diambil alih, perbezaan itu akan diiktiraf terus ke untung atau rugi.

Kepentingan bukan kawalan merupakan bahagian minoriti terhadap untung atau rugi dan aset bersih anak-anak Syarikat bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.1 Asas penyatuhan (sambungan)****3.1.1 Pelaburan dalam anak-anak Syarikat (sambungan)**

Kepentingan bukan kawalan diukur pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti anak-anak Syarikat yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti anak Syarikat mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga dalam Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atas aset yang dipindahkan.

Untung atau rugi atas pelupusan anak-anak Syarikat adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih anak syarikat pada tarikh pelupusan termasuk amaun terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan anak-anak Syarikat dan diiktiraf ke untung atau rugi disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh berkesan, sebarang kepentingan yang dikekalkan dalam Kumpulan diukur semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai bawa diiktiraf ke untung rugi. Nilai saksama ini adalah nilai saksamanya daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya ke penyata pendapatan komprehensif berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai syarikat yang dilabur berdasarkan ekuiti atau instrumen kewangan bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

3.1.2 Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti, entiti yang tidak diperbadankan, yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tapi bukan kawalan, ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti tolak apa-apa kerugian rosot nilai, melainkan sekiranya ianya diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan atau agihan. Kos pelaburan termasuk kos urus niaga. Penyata kewangan disatukan termasuk bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan sekiranya ada, untuk menyamakan polisi perakaunan dengan Kumpulan, daripada tarikh pengaruh signifikan bermula sehingga tarikh pengaruh signifikan lenyap.

Apabila bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi melebihi kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu, amaun bawaan kepentingan tersebut termasuk apa-apa pelaburan jangka panjang dikurangkan kepada sifar, dan pengiktirafan kerugian berikut tidak dibuat lagi kecuali setakat mana Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh signifikan terhadap syarikat bersekutu, apa-apa kepentingan yang tinggal dalam bekas syarikat bersekutu tersebut pada tarikh pengaruh signifikan lenyap diukur pada nilai saksama dan amaun ini dianggap sebagai amaun bawaan mulaan aset kewangan. Perbezaan diantara nilai saksama apa-apa kepentingan yang tinggal tambah imbuhan daripada pelupusan kepentingan tersebut dan amaun bawaan pelaburan pada tarikh dimana kaedah ekuiti tidak digunakan lagi diukur dalam untung atau rugi.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1 Asas penyataan (sambungan)

3.1.2 Syarikat bersekutu (sambungan)

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurang tapi tidak menyebabkan kehilangan pengaruh signifikan, apa-apa kepentingan yang tinggal tidak diukur semula. Apa-apa keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pengurangan dalam kepentingan diiktiraf dalam untung atau rugi. Apa-apa keuntungan atau kerugian yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan juga diklasifikasikan semula dengan sama rata kepada untung atau rugi sekiranya keuntungan atau kerugian tersebut diperlukan untuk diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi ketika pelupusan aset atau liabiliti berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos tolak apa-apa kerugian rosotnilai, melainkan sekiranya pelaburan tersebut diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan atau agihan. Kos pelaburan termasuk kos urus niaga.

3.1.3 Urus niaga disingkir ketika penyataan

Baki dan urus niaga antara Kumpulan, dan apa-apa pendapatan dan perbelanjaan yang tidak direalisasi timbul daripada urus niaga antara Kumpulan, disingkirkan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan.

Keuntungan tidak direalisasi timbul daripada urus niaga dengan syarikat bersekutu yang diakaunkan menggunakan ekuiti dan usaha sama disingkirkan pada pelaburan setakat kepentingan Kumpulan sahaja. Kerugian tidak direalisasi disingkirkan sama seperti keuntungan tidak direalisasi, tapi hanya setakat tiada petanda rosotnilai.

3.2 Instrumen kewangan

3.2.1 Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset atau liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila Kumpulan atau Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

Aset kewangan (kecuali ia adalah belum terima dagangan tanpa komponen kewangan yang signifikan) atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama, untuk item yang tidak dibentangkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, tambah atau tolak kos urus niaga yang berkaitan langsung dengan perolehan atau penerbitannya. Belum terima dagangan tanpa komponen pembiayaan yang signifikan pada awalnya diukur pada harga urus niaga.

3.2.2 Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan

Kategori aset kewangan ditentukan pada pengiktirafan awal dan tidak diklasifikasikan semula berikut pengiktirafan awal tersebut kecuali Kumpulan atau Syarikat mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan yang mana semua aset kewangan yang terlibat akan diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama selepas perubahan dalam model perniagaan tersebut.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Instrumen kewangan (sambungan)

3.2.2 Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

a. Kos terlunas

Kategori kos terlunas merangkumi aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan yang bertujuan untuk memegang aset untuk mengumpulkan aliran tunai berkontrak dan terma kontraknya menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu yang hanya melibatkan pembayaran prinsipal dan faedah ke atas amaun prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan ini tidak diiktiraf pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Berikut pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Pendapatan faedah, keuntungan dan kerugian dalam tukaran wang asing dan rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan faedah diiktiraf dengan mengenakan kadar faedah efektif ke atas amaun bawaan kasar kecuali aset kewangan yang mana kreditnya telah dirosotnilai.

b. Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain

• Pelaburan hutang

Kategori nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain merangkumi pelaburan hutang yang dipegang dalam model perniagaan yang bertujuan untuk mengumpulkan aliran tunai berkontrak dan jualan pelaburan hutang tersebut, dan terma kontraknya menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu yang hanya melibatkan pembayaran prinsipal dan faedah ke atas amaun prinsipal yang belum dijelaskan. Pelaburan hutang ini tidak diiktiraf pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif, keuntungan dan kerugian dalam tukaran wang asing dan rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Lain-lain keuntungan dan kerugian bersih diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Pada penyahiktirafan, keuntungan dan kerugian terkumpul dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi.

Pendapatan faedah diiktiraf dengan mengenakan kadar faedah efektif ke atas amaun bawaan kasar kecuali aset kewangan yang mana kreditnya telah dirosotnilai.

• Pelaburan ekuiti

Kategori ini merangkumi pelaburan dalam ekuiti yang tidak dipegang untuk dagangan, dan Kumpulan dan Syarikat memilih, dan tidak lagi boleh mengubah pilihan tersebut, untuk perubahan dalam nilai saksama berikutnya bagi pelaburan ini dibentangkan melalui pendapatan komprehensif lain. Pemilihan ini dibuat ke atas setiap pelaburan. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi kecuali dividen tersebut jelas mewakili pemuliharan sebahagian daripada kos pelaburan tersebut. Lain-lain keuntungan dan kerugian bersih diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Pada penyahiktirafan, keuntungan dan kerugian terkumpul dalam pendapatan komprehensif lain tidak akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.2 Instrumen kewangan (sambungan)****3.2.2 Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)****Aset kewangan (sambungan)****c. Nilai saksama melalui untung atau rugi**

Semua aset kewangan tidak diukur pada kos terlunas atau nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain yang dinyatakan diatas akan diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Ini merangkumi aset kewangan derivatif (kecuali untuk derivatif yang merupakan instrumen pelindung nilai yang ditetapkan dan efektif). Pada pengiktirafan awal, Kumpulan atau Syarikat boleh menetapkan, dan tidak lagi boleh mengubah tetapan tersebut, aset kewangan, selain daripada aset kewangan yang memenuhi keperluan untuk diukur pada kos terlunas atau nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, yang mana sekiranya dibuat demikian boleh menghilangkan atau mengurangkan secara signifikan ketidakcocokan perakaunan yang wujud sekiranya tidak dibuat sedemikian.

Aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi akan diukur berikutnya pada nilai saksama aset kewangan tersebut. Keuntungan atau kerugian bersih, termasuk mana-mana pendapatan faedah atau dividen, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan, kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan pelaburan ekuiti yang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, adalah tertakluk kepada penilaian rosotnilai.

Liabiliti kewangan

Kategori liabiliti kewangan pada pengukuran awal adalah seperti berikut:-

a. Nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori nilai saksama melalui untung atau rugi merangkumi liabiliti kewangan derivatif (kecuali untuk derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen pelindung nilai yang ditetapkan dan efektif), ganjaran luar jangka dalam gabungan perniagaan dan liabiliti kewangan yang ditentukan secara spesifik untuk kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan atau Syarikat boleh menetapkan, dan tidak lagi boleh mengubah tetapan tersebut, liabiliti kewangan, selain daripada liabiliti kewangan yang memenuhi keperluan untuk diukur pada kos terlunas, diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi:-

- yang mana sekiranya dibuat demikian boleh menghilangkan atau mengurangkan secara signifikan ketidakcocokan perakaunan yang wujud sekiranya tidak dibuat sedemikian;
- sekumpulan liabiliti kewangan atau aset dan liabiliti kewangan diuruskan dan prestasinya dinilai pada dasar nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko atau strategi pelaburan yang telah didokumenkan, dan maklumat berkenaan kumpulan tersebut disediakan secara dalaman pada dasar tersebut kepada kakitangan pengurusan utama Kumpulan; atau
- sekiranya kontrak terbabit mengandungi satu atau lebih derivatif yang disertakan dan kontrak tersebut bukan liabiliti kewangan dalam skop MFRS 9, dimana derivatif yang telah disertakan itu mengubah aliran tunai dengan signifikan dan pemisahannya tidak dilarang.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.2 Instrumen kewangan (sambungan)****3.2.2 Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)****Liabiliti kewangan (sambungan)****a. Nilai saksama melalui untung atau rugi (sambungan)**

Liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi akan diukur berikutnya pada nilai saksama liabiliti kewangan tersebut dengan keuntungan atau kerugian, termasuk mana-mana perbelanjaan faedah akan diiktiraf ke untung atau rugi.

Untuk liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada pengukuran awal, bagi amaun perubahan dalam nilai saksama liabiliti kewangan tersebut yang melibatkan perubahan risiko kredit, Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf amaun tersebut ke dalam pendapatan komprehensif lain dan selebihnya ke dalam untung atau rugi, melainkan perlakuan tersebut mewujudkan atau membesarlagi ketidakcocokan perakaunan.

b. Kos terlunas

Liabiliti kewangan lain yang tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi akan diukur berikutnya pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

Perbelanjaan faedah dan keuntungan dan kerugian dalam tukaran wang asing diiktiraf dalam untung atau rugi. Mana-mana keuntungan atau kerugian pada penyahiktirafan juga diiktiraf dalam untung atau rugi.

3.2.3 Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak berkontrak kepada aliran tunai dari aset kewangan tersebut telah luput atau dipindahkan, atau pegangan kepada aset kewangan tersebut tidak dikekalkan atau sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran ke atas pemilikan aset kewangan tersebut telah dipindahkan kepada entiti lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan antara nilai bawaan aset kewangan tersebut dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk mana-mana aset baru diperolehi tolak mana-mana liabiliti baru diambil alih) diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak berkenaan sudah dilenyap, dibatal atau luput. Liabiliti kewangan juga dinyahiktiraf apabila terma kontrak berkenaan telah diubah suai dan aliran tunai liabiliti yang telah diubah suai tersebut adalah berbeza dengan ketara, yang mana liabiliti kewangan baru berdasarkan terma kontrak yang telah diubah suai tersebut akan diiktiraf pada nilai saksama. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan yang dilenyap atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai dipindahkan atau liabiliti diambil alih, diiktiraf dalam untung atau rugi.

3.2.4 Ofset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan boleh dioffset dan amaun bersih dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan atau Syarikat pada masa ini mempunya hak boleh kuatkuasa di sisi undang-undang untuk tolak selesai amaun terbabit dan Kumpulan atau Syarikat berniat sama ada untuk melangsaikan amaun tersebut secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti terbabit serentak.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

3.3.1 Pengiktirafan dan pengukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepada dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu harta tanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Apabila harta tanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai bawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke untung atau rugi, di mana berkenaan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan Syarikat dan kos tersebut boleh diukur dengan munasabah.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke untung atau rugi.

3.3.2 Susut nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusut nilai secara berasingan.

Semua harta tanah, loji dan peralatan lain disusut nilaiakan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar yang berikut:-

Komputer dan perisian	33.3%
Peralatan pejabat	20%
Mesin dan peralatan	20%
Pengubahsuai	10%
Perabot dan kelengkapan	15%

3.4 Pajakan

Sesuatu kontrak adalah kontrak pajakan sekiranya kontrak berkenaan menurunkan hak untuk mengawal kegunaan aset yang dikenal pasti untuk sesuatu tempoh masa dengan balasan sebagai pertukaran. Untuk menentukan sama ada sesuatu kontrak menurunkan hak untuk mengawal sesuatu aset yang dikenal pasti, semakan dibuat sama ada:

- Kontrak berkenaan disertakan dengan aset yang dikenal pasti secara nyata atau tersirat, dan dapat dibezakan secara fizikal atau diwakili dengan ketara kesemua kemampuan aset yang boleh dibezakan secara fizikal. Sekiranya pembekal mempunyai hak substantif untuk menukar, aset berkenaan tidak dikenal pasti;

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Pajakan (sambungan)

- Pelanggan mempunyai hak untuk mendapatkan manfaat ketara ekonomi dari pemakaian aset sepanjang tempoh guna; dan
- Pelanggan mempunyai hak untuk mengawal penggunaan aset. Hak ini terdapat kepada pelanggan apabila terdapat hak membuat keputusan yang paling relevan tentang bagaimana dan tujuan aset berkenaan digunakan.

Pada permulaan atau semasa semakan semula kontrak yang mengandungi komponen pajakan, balasan kontrak dibahagikan kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga berasingan masing-masing.

3.4.1 Pengiktirafan dan pengukuran awal

a. Sebagai pemajak

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf aset hak guna dan liabiliti pajakan pada tarikh permulaan kontrak untuk kesemua pajakan yang membenarkan hak mengawal aset dikenal pasti untuk tempoh tertentu kecuali pajakan tempoh jangka pendek atau pajakan yang didasari oleh aset bernilai rendah.

Aset hak guna semasa permulaan diukur pada kos yang terkandung amaun asal liabiliti setelah dilaraskan dengan bayaran pajakan dibuat pada atau sebelum tarikh pemakaian MFRS 16, dicampur dengan sebarang kos langsung dan anggaran kos membubar dan mengalih aset mendasari atau untuk mengembalikan semula aset mendasari atau tapak di mana ianya bertempat, ditolak sebarang insentif pajakan diterima.

Liabiliti pajakan semasa permulaan diukur pada nilai semasa bayaran pajakan yang belum berbayar didiskaun pada kadar faedah tersirat di dalam pajakan atau, sekiranya kadar berkenaan tidak ada secara tersedia, kadar pinjaman bertokok untuk setiap entiti akan digunakan.

Bayaran pajakan boleh berubah yang berkait dengan perlakuan di masa hadapan atau kegunaan aset dikecualikan dari liabiliti pajakan. Bayaran sebegini diiktiraf ke untung atau rugi dalam tempoh masa penggunaan atau perlakuan berlaku.

b. Sebagai pemberi pajak

Penentuan dilakukan semasa permulaan sama ada pajakan yang dibuat adalah pajakan kewangan atau operasi.

Untuk mengklasifikasi setiap pajakan, semakan keseluruhan dibuat sama ada pajakan berkenaan memindahkan secara ketara risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan aset. Dalam keadaan sebegini, pajakan berkenaan adalah pajakan kewangan dan bukan pajakan operasi.

Sekiranya terdapat komponen pajakan dan bukan pajakan, MFRS 16 digunakan untuk membahagikan balasan kontrak berdasarkan harga berasingan.

Aset yang dipegang secara pajakan kewangan diterakan sebagai penghutang pajakan di dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun bersamaan dengan pelaburan bersih di dalam pajakan berkenaan. Kadar faedah implisit di dalam pajakan digunakan untuk menaksir pelaburan bersih pajakan berkenaan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.9 Rosotnilai

3.9.1 Aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf elaun kerugian untuk kerugian kredit dijangka ke atas aset kewangan yang diukur pada kos terlunas, pelaburan hutang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, aset kontrak dan belum terima pajakan. Kerugian kredit dijangka adalah anggaran kerugian kredit yang memberat kepada kebarangkalian.

Kumpulan dan Syarikat mengukur elaun kerugian pada amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat, kecuali untuk sekuriti hutang yang dikenal pasti mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan, tunai dan baki di bank dan sekuriti hutang lain yang mana risiko kredit tidak berubah secara ketara sejak pengiktirafan awal, yang diukur pada kerugian kredit dijangka untuk 12 bulan. Elaun kerugian untuk belum terima dagangan, aset kontrak dan belum terima pajakan akan sentiasa diukur pada amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat.

Ketika menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan sudah bertambah secara ketara sejak pengiktirafan awal dan ketika membuat anggaran kerugian kredit dijangka, Kumpulan dan Syarikat mempertimbangkan maklumat munasabah dan yang mempunyai sokongan yang relevan dan tersedia tanpa menanggung kos atau usaha melampau. Ini termasuk maklumat dan analisa secara kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan kepada pengalaman Kumpulan secara historikal dan penilaian kredit berdasarkan fakta dan termasuk maklumat yang memandang ke hadapan, di mana tersedia.

Kerugian kredit dijangka sepanjang hayat adalah kerugian kredit dijangka yang terhasil dari segala kemungkinan yang peristiwa kemungkinan sepanjang hayat berlaku bagi sesuatu aset kewangan, manakala kerugian kredit dijangka untuk 12 bulan ialah bahagian kerugian kredit dijangka terhasil dari peristiwa kemungkinan yang mungkin berlaku dalam masa 12 bulan dari tarikh pelaporan. Tempoh maksima diambil kira untuk penganggaran kerugian kredit dijangka ialah tempoh kontraktual maksima yang mana risiko kredit terdedah kepada Kumpulan dan Syarikat.

Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran kerugian kredit dijangka ke atas belum terima dagangan menggunakan matriks peruntukan berdasarkan kepada pengalaman kerugian kredit secara historikal.

Kerugian rosotnilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos terlunas diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun bawaan aset tersebut dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

Kerugian rosotnilai yang melibatkan pelaburan hutang yang diukur nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi dan akaun elaun diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan Syarikat akan menilai sama ada aset kewangan dibawa pada kos terlunas dan sekuriti hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain telah rosotnilai. Aset kewangan telah rosotnilai ketika satu atau lebih peristiwa yang mempunyai impak buruk ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan untuk aset tersebut telah berlaku.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.9 Rosotnilai (sambungan)

3.9.1 Aset kewangan (sambungan)

Nilai bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau sepenuhnya) setakat mana ianya tiada prospek pemulihan yang realistik. Ini biasanya terjadi apabila Kumpulan atau Syarikat menganggap penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang cukup untuk menjana aliran tunai untuk membayar amaun yang dihapus kira. Walaupun begitu, aset kewangan yang telah dihapus kira masih boleh dikuatkuasa untuk mengikut prosedur Kumpulan atau Syarikat bagi tujuan pemulihan amaun tersebut.

3.9.2 Aset lain

Amaun bawaan aset lain (selain dari inventori, aset kontrak, belum terima pajakan, aset cukai tertunda, aset timbul daripada manfaat pekerja, harta tanah diukur pada nilai saksama dan aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan) disemak semula pada setiap akhir tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa petanda rosotnilai. Sekiranya wujud petanda tersebut, amaun boleh pulih aset berkenaan akan dianggarkan. Untuk muhibah dan aset tak ketara yang mempunyai hayat berguna yang tidak tentu atau yang belum lagi sedia untuk diguna, amaun boleh pulih dianggarkan setiap tempoh pada masa yang sama.

Untuk tujuan ujian rosotnilai, aset akan dikumpul bersama ke dalam satu kumpulan aset yang paling kecil yang mampu menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang secara umumnya bebas daripada aliran masuk tunai aset atau unit penjanaan tunai lain. Bergantung kepada ujian siling untuk segmen kendalian, untuk tujuan ujian rosotnilai muhibah, unit penjanaan tunai yang mana muhibah telah diperuntukkan diagregatkan supaya tahap dimana ujian rosotnilai dijalankan mencerminkan tahap terendah dimana muhibah itu dipantau untuk tujuan laporan dalaman. Muhibah diperoleh dalam gabungan perniagaan, untuk tujuan ujian rosotnilai, diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai atau kumpulan unit penjanaan tunai yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan tersebut.

Amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai ialah amaun tertinggi antara nilai sedang digunakan dan nilai saksama tolak kos pelupusan. Untuk menilai nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaun kepada nilai kini menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa ke atas nilai masa wang dan risiko spesifik kepada aset atau unit penjanaan tunai tersebut.

Kerugian rosotnilai diiktiraf sekiranya amaun bawaan aset atau unit penjanaan tunai melebihi amaun boleh pulih yang dianggarkan.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi unit penjanaan tunai adalah pertamanya dengan mengurangkan nilai bawaan apa-apa muhibah melibatkan unit penjanaan tunai tersebut (atau kumpulan unit penjanaan tunai) dan seterusnya dikurangkan pada nilai bawaan aset lain dalam unit penjanaan tunai tersebut (atau kumpulan unit penjanaan tunai) menggunakan asas pro rata.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.9 Rosotnilai (sambungan)

3.9.2 Aset lain (sambungan)

Kerugian rosotnilai yang melibatkan muhibah tidak dibalikkan. Untuk aset lain, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tempoh-tempoh lepas akan dinilai pada setiap tempoh pelaporan untuk mengesan petanda bahawa kerugian tersebut telah berkurang atau tidak lagi wujud. Kerugian rosotnilai dibalikkan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran digunakan untuk menentukan aman boleh pulih sejak kerugian rosotnilai terbaru diiktiraf. Kerugian rosotnilai dibalikkan hanya setakat nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya, bersih daripada susut nilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf sebelumnya. Pembalikan rosotnilai dikredit kepada untung atau rugi dalam tahun kewangan pembalikan diiktiraf.

3.10 Instrumen ekuiti

Instrumen diklasifikasikan sebagai ekuiti diukur pada kos pada pengiktirafan awal dan tidak diukur semula berikutnya.

3.10.1 Perbelanjaan terbitan

Kos yang terlibat secara langsung kepada terbitan instrumen yang diklasifikasikan sebagai ekuiti diiktiraf sebagai pengurangan kepada ekuiti.

3.10.2 Saham biasa

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti.

3.11 Manfaat pekerja

3.11.1 Manfaat pekerja jangka pendek

Obligasi manfaat pekerja jangka pendek yang melibatkan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diiktiraf pada asas tidak didiskaunkan dan sebagai perbelanjaan sepanjang perkhidmatan berkaitan diberikan.

Liabiliti diiktiraf untuk amaun yang dijangka untuk dibayar sebagai bonus tunai jangka pendek atau pelan perkongsian untung sekiranya Kumpulan dan Syarikat mempunyai kewajipan di sisi undang-undang atau konstruktif untuk membayar amaun ini hasil daripada perkhidmatan lampau yang diberikan oleh pekerja dan obligasi tersebut boleh dianggar dengan pasti.

3.11.2 Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”)

Caruman Kumpulan dan Syarikat kepada KWSP dicaj kepada untung atau rugi dalam tahun kewangan ianya disumbang. Bayaran terdahulu untuk caruman ini diiktiraf sebagai aset setakat mana pulangan balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa hadapan ada.

3.12 Pendapatan

3.12.1 Pendapatan daripada kontrak dengan pelanggan

Pendapatan diukur mengikut ganjaran yang ditentukan dalam kontrak dengan pelanggan dalam pertukaran untuk memindahkan barang atau servis kepada pelanggan tersebut, tidak termasuk amaun yang dikutip bagi pihak ketiga. Kumpulan atau Syarikat mengiktiraf pendapatan apabila (atau ketika) kawalan ke atas barang atau servis telah dipindahkan kepada pelanggan. Aset dikira telah dipindahkan apabila (atau ketika) pelanggan menerima kawalan ke atas aset tersebut.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.12 Pendapatan (sambungan)

3.12.1 Pendapatan daripada kontrak dengan pelanggan (sambungan)

Kumpulan atau Syarikat memindahkan kawalan ke atas barang atau servis pada suatu masa kecuali salah satu daripada kriteria dari masa ke masa dibawah telah dipenuhi:-

- pelanggan menerima dan menggunakan manfaat disediakan dengan serentak semasa Kumpulan atau Syarikat menyediakannya;
- pelaksanaan oleh Kumpulan atau Syarikat mewujudkan atau menambah baik aset yang dikawal oleh pelanggan semasa asset tersebut diwujudkan atau ditambah baik; atau
- pelaksanaan oleh Kumpulan atau Syarikat tidak mewujudkan aset yang mempunyai kegunaan alternatif dan Kumpulan atau Syarikat mempunyai hak boleh kuatkuasa kepada pembayaran untuk pelaksanaan yang telah siap sehingga sekarang.

3.12.2 Pendapatan sewa

Pendapatan sewa daripada hartaan pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada asas garis lurus sepanjang pajakan tersebut. Insentif pajakan diberi akan diiktiraf sebagai bahagian integral bagi jumlah pendapatan sewa, sepanjang pajakan tersebut. Pendapatan sewa daripada sewa yang disewakan semula diiktiraf sebagai pendapatan.

3.12.3 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada mulanya sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan akan memenuhi syarat geran tersebut; geran tersebut seterusnya akan diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain pada asas sistematik sepanjang jangka hayat berguna aset berkaitan.

Geran yang memberi pampasan kepada Kumpulan ke atas perbelanjaan yang ditanggung diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain pada asas sistematik dalam tempoh sama perbelanjaan tersebut diiktiraf.

3.12.4 Keuntungan hibah

Keuntungan hibah diiktiraf semasa ianya terakru mengikut kaedah keuntungan efektif.

3.13 Kos pinjaman

Kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tempoh ia ditanggung dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

3.14 Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa dan tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali sekiranya ianya berkait dengan gabungan perniagaan atau item yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah anggaran belum terima atau belum bayar cukai ke atas pendapatan atau kerugian bercukai tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada akhir tempoh kewangan, dan apa-apa pelarasan kepada belum bayar cukai tahun-tahun sebelumnya.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.14 Cukai pendapatan (sambungan)**

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, dimana perbezaan sementara timbul antara nilai bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukai aset dan liabiliti tersebut. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara seperti berikut: pengiktirafan awal muhibah, aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan daripada gabungan perniagaan dan yang tidak mempengaruhi untung atau rugi sama ada dari segi perakaunan atau percukaian. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan ke atas perbezaan sementara ketika dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada akhir tempoh laporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diofset sekiranya terdapat hak boleh kuatkuasa di sisi undang-undang untuk ofset liabiliti dan aset cukai semasa, dan ianya berkait dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh penguat kuasa yang sama kepada entiti bercukai yang sama, atau entiti bercukai yang berlainan, tapi berniat untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa secara bersih atau aset dan liabiliti cukai tersebut akan direalisasikan serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai di masa hadapan akan tersedia yang mana perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak semula pada setiap akhir tempoh laporan dan dikurangkan setakat kemungkinan manfaat cukai berkaitan boleh direalisasikan.

3.15 Luar jangkaan**Aset luar jangka**

Apabila aliran masuk manfaat ekonomi aset ada mungkin dimana ianya timbul daripada peristiwa lalu dan dimana kewujudannya hanya akan dipastikan dengan berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang bukan sepenuhnya dalam kawalan entiti, aset tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan tetapi didehdahkan sebagai aset luar jangka. Apabila aliran masuk manfaat ekonomi tersebut telah pasti, aset berkaitan diiktiraf.

4. PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Jualan buku sekolah, pakaian seragam dan produk pembelajaran	84,943	594	-	-
Jualan cenderahati, barang dan buku biografi	139,184	8,184	139,184	8,184
Kendalian pusat jagaan warga emas	90,821	-	-	-
Kendalian pusat kecergasan	520,754	141,473	520,754	141,473
Kendalian sekolah	2,891,509	2,062,917	-	-
	<u>3,727,211</u>	<u>2,213,168</u>	<u>659,938</u>	<u>149,657</u>

Kesemua pendapatan diiktiraf pada suatu masa.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**5. KOS JUALAN DAN SERVIS**

Termasuk dalam kos jualan dan servis adalah:-

	Kumpulan	Syarikat	2022	2021	2022	2021
Inventori diiktiraf sebagai perbelanjaan		RM	RM	RM	RM	RM
		139,724	59,475	87,859	7,610	
Kos pekerja						
- Gaji, upah dan lain-lain		1,070,931	859,565	178,499	118,300	
- Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		110,922	93,106	24,470	17,237	
	<u>110,922</u>	<u>93,106</u>	<u>24,470</u>	<u>17,237</u>		

6. PENDAPATAN LAIN

Termasuk dalam pendapatan lain adalah:-

	Kumpulan	Syarikat	2022	2021	2022	2021
Bantuan Kerajaan (<i>Nota 6a</i>)		RM	RM	RM	RM	RM
		-	17,340	-	17,340	
Keuntungan dari pelupusan pelaburan lain (<i>Nota 6b</i>)		2,210	-	2,210	-	-
Pendapatan kewangan (<i>Nota 6c</i>)		145,845	155,489	145,845	155,489	
Pendapatan sewa jangka pendek		18,160	1,000	17,960	-	-
Pulangan balik input GST (<i>Nota 6d</i>)		1,443,396	-	1,443,396	-	-
Sumbangan EduWaqt		-	203,860	-	-	-
	<u>-</u>	<u>203,860</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

a) Bantuan Kerajaan merujuk kepada Program Subsidi Upah untuk membantu majikan yang terkesan secara ekonominya oleh wabak Covid-19.

b) Pelupusan pelaburan lain merujuk kepada pelaburan emas jangka pendek seperti di Nota 21 pada penyata kewangan.

c) Pendapatan kewangan merujuk kepada:-

	Kumpulan dan Syarikat	2022	2021
Akaun semasa		RM	RM
		588	235
Simpanan tetap di bank berlesen		93,392	112,635
Penghutang pajakan (<i>Nota 17</i>)		51,865	42,619
	<u>145,845</u>	<u>155,489</u>	

d) Pulangan balik input GST merujuk kepada pulangan balik pembayaran GST pembelian tanah di Putrajaya yang dipulangkan balik oleh penjual kerana sistem GST sudah tidak diguna pakai lagi.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**7. KERUGIAN ROSOTNILAI**

Kerugian rosotnilai merujuk kepada kerugian kredit dijangka ke atas:-

	Kumpulan		Syarikat	
	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Penghutang dagangan (<i>Nota 26.2a</i>)	151,383	81,485	189,460	38,553
Penghutang lain (<i>Nota 19</i>)	67,000	-	67,000	-
	<u>218,383</u>	<u>81,485</u>	<u>256,460</u>	<u>38,553</u>

8. PERBELANJAAN PAJAKAN

	Kumpulan		Syarikat	
	Dinyatakan semula			
	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Pajakan aset nilai rendah	345,338	421,572	-	-
Kos pembiayaan liabiliti pajakan				
- Tahun semasa (<i>Nota 23</i>)	143,304	135,025	8,658	5,415
- Terlebih nyata tahun-tahun sebelum	(6,827)	-	(6,827)	-
Susut nilai aset hak gunaan (<i>Nota 13</i>)	1,464,226	1,171,053	94,991	76,589
	<u>1,946,041</u>	<u>1,727,650</u>	<u>96,822</u>	<u>82,004</u>

9. PERBELANJAAN PENTADBIRAN

Termasuk dalam perbelanjaan pentadbiran adalah:-

	Kumpulan		Syarikat	
	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Kos pekerja				
- Gaji dan lain-lain	603,850	588,390	326,279	324,429
- Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	53,133	58,478	36,115	39,490
Yuran juruaudit				
- Tahun semasa	12,700	10,400	5,500	5,000
- Terkurang nyata tahun sebelum	-	1,046	-	1,046
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**10. PERBELANJAAN OPERASI**

Termasuk dalam perbelanjaan operasi adalah:-

	Kumpulan		Syarikat	
	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Hutang lapuk dihapus kira	169	-	169	-
Pelunasan aset tak ketara (<i>Nota 15</i>)	61,027	35,470	60,527	35,470
Susut nilai hartanah pelaburan (<i>Nota 14</i>)	9,548	9,548	9,548	9,548
Susut nilai loji dan peralatan (<i>Nota 12</i>)	<u>101,246</u>	<u>93,721</u>	<u>99,269</u>	<u>93,407</u>

11. CUKAI

Tiada peruntukan cukai dibuat untuk tahun kewangan kerana Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai pendapatan bercukai.

Penyesuaian cukai dari kadar statutori kepada kadar efektif adalah seperti berikut :-

	Kumpulan		Syarikat	
	Dinyatakan semula			
	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai	16,338	(1,872,730)	784,055	(1,013,004)
Cukai pada 24%	3,921	(449,455)	188,173	(243,121)

Kesan cukai daripada:-

Pendapatan tidak dicukaikan	(368,212)	-	(346,415)	-
Perbelanjaan tidak dibenarkan	123,091	8,043	20,007	8,043
Pengasalan dan penarikbalikan perbezaan sementara tidak diiktiraf	241,200	441,412	138,235	235,078
	-	-	-	-

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

11.

CUKAI (SAMBUNGAN)

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, kerugian perniagaan tidak diserap dan elauan modal tidak diguna Kumpulan dan Syarikat yang sedia untuk dibawa ke hadapan untuk dioffsetkan dengan pendapatan boleh dicukai masa hadapan, adalah dianggarkan seperti berikut:-

	Kumpulan		Syarikat		
	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	
<u>Kerugian perniagaan tidak diserap</u>					
Luput pada 2029	2,615,300	2,615,300	2,615,300	2,615,300	
Luput pada 2030	422,600	422,600	422,600	422,600	
Luput pada 2031	1,523,100	1,523,100	914,300	914,300	
Luput pada 2032	835,700	-	345,900	-	
	<u>5,396,700</u>	<u>4,561,000</u>	<u>4,298,100</u>	<u>3,952,200</u>	
Elaun modal tidak diguna	115,600	76,300	104,000	70,600	
	<u>115,600</u>	<u>76,300</u>	<u>104,000</u>	<u>70,600</u>	

Elaun modal tidak diguna tiada tarikh luput.

Aset cukai tertunda dalam tahun kewangan semasa yang belum diiktiraf dalam penyata kewangan kerana tiada jaminan yang munasabah bahawa pendapatan boleh dicukai masa hadapan akan mencukupi untuk membolehkan manfaat tersebut direalisasi, adalah dianggarkan seperti berikut:-

	Kumpulan		Syarikat		
	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM	
Aset cukai tertunda bersih tidak diiktiraf dalam penyata kewangan pada 24%:-					
Kerugian perniagaan tidak diserap	1,295,100	1,094,600	1,031,500	948,500	
Elaun modal tidak diguna	27,600	18,300	24,900	16,900	
Lebihan asas cukai loji dan peralatan berbanding amaun bawaan bersih	(8,700)	(12,800)	(6,500)	(11,600)	
Kerugian kredit dijangka	60,300	24,000	59,200	13,700	
Aset hak gunaan	42,700	53,800	1,800	4,000	
	<u>1,417,000</u>	<u>1,177,900</u>	<u>1,110,900</u>	<u>971,500</u>	

No. Pendaftaran: 201201031092 (1015578-X)

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

12. LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan <u>Kos</u>	Komputer dan perisian		Mesin dan peralatan pejabat RM	Pengubahsuaiann RM	Perabot dan kelengkapan RM	Jumlah 2022 RM	Jumlah 2021 RM
	Peralatan pejabat RM	Tambahan RM					
Pada awal tahun	66,403	52,818	135,489	282,419	109,888	647,017	454,613
Tambahan	2,923	3,470	-	7,053	22,600	36,046	192,404
Pindahan	(10,605)	-	10,605	-	-	-	-
Pada akhir tahun	<u>58,721</u>	<u>56,288</u>	<u>146,094</u>	<u>289,472</u>	<u>132,488</u>	<u>683,063</u>	<u>647,017</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>							
Pada awal tahun	39,578	14,923	39,511	46,630	23,710	164,352	70,631
Caj tahun semasa (<i>Nota 10</i>)	15,454	9,850	29,219	28,846	17,877	101,246	93,721
Pada akhir tahun	<u>55,032</u>	<u>24,773</u>	<u>68,730</u>	<u>75,476</u>	<u>41,587</u>	<u>265,598</u>	<u>164,352</u>
<u>Amaun bawaan bersih</u>							
Pada 31.12.2022	3,689	31,515	77,364	213,996	90,901	417,465	-
Pada 31.12.2021	<u>26,825</u>	<u>37,895</u>	<u>95,978</u>	<u>235,789</u>	<u>86,178</u>	<u>-</u>	<u>482,665</u>
Susut nilai dicaj pada tahun berakhir 31.12.2021	18,621	5,791	27,098	28,241	13,970	-	93,721

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)									
Syarikat	Komputer dan perisian	Peralatan pejabat	Mesin dan peralatan	Pengubahsuai	Perabot dan kelengkapan	Jumlah 2022	Jumlah 2021	Jumlah 2022	Jumlah 2021
Kos	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada awal tahun	66,403	52,818	135,489	282,419	91,038	628,167	454,613		
